



**NEGERI PULAU PINANG**

# **PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEDUA  
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KETIGA BELAS**

**2 NOVEMBER 2017,  
6 NOVEMBER 2017 HINGGA 14 NOVEMBER 2017**

**6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG**

# PENYATA RASMI

## MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
<b>PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	6
<b>USUL TERGEMPAR DI BAWAH PERATURAN 30 – PERATURAN MAJLIS MESYUARAT OLEH AHLI KAWASAN PADANG KOTA</b>	6
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad)	6
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee)	7
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah)	8
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji)	8
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria)	10
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai)	11
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)	12
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	12
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man)	14
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey)	15
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tee Yee Cheu)	16
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi)	17
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng)	18

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng)	19
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen)	20
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng)	21
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad)	22
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng)	24
Perbahasan usul oleh Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	24
<b>PENGGULUNGAN USUL OLEH AHLI KAWASAN PADANG KOTA</b>	25
<b>USUL TERGEMPAR DI BAWAH PERATURAN 30 – PERATURAN MAJLIS MESYUARAT OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG</b>	27
<b>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	28

# PENYATA RASMI

## MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh** : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

**Masa** : 9.30 Pagi

**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

#### HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
4.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
5.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
6.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
7.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
8.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
9.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
10.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
11.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
12.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
13.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
14.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
15.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
16.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
17.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
18.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
19.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
20.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
21.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan</b>
22.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
23.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
24.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
25.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
26.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
27.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
28.	YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
29.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
30.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
31.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang

#### **TIDAK HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan</b>
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
3.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
4.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
5.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
6.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
7.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
8.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
9.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

#### **AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

#### **HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

#### **TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan mula bersidang pada jam 9.40 pagi.**

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan Doa.

**Timbalan Setiausaha Dewan:**

“Bacaan Doa”.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan telah terima satu usul tergepang daripada YB. Padang Kota. So, saya ingin YB. Padang Kota untuk bacakan usul. Sila.

**Ahli Yang Berhormat Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Dengan segala hormatnya saya telah pun memberi notis di bawah Peraturan 30 Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bahawa saya akan mencadangkan satu usul yang berbunyi seperti berikut:- “Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa-mangsa yang telah mengorban nyawa semasa kejadian ribut dan hujan lebat pada 4 hari bulan November di Negeri Pulau Pinang. Dewan yang mulia ini juga menyampaikan keprihatinannya kepada semua keluarga dan individu yang telah mengalami kerugian dan kerosakan harta benda akibat ribut dan hujan lebat ini.

Dewan yang mulia ini juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Agensi-agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pertubuhan-pertubuhan dan individu-individu yang telah dan akan menyalurkan bantuan dalam berbagai bentuk untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda mangsa-mangsa dengan semangat perpaduan yang murni. Dewan yang mulia ini juga menyeru pihak-pihak yang berwajib di peringkat Persekutuan, Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan untuk meneliti dan menambah baik *standard operating procedure* dalam menyampaikan maklumat, menggerakkan kerja penyelamat dan penyaluran bantuan secara lebih berkesan dan cekap supaya meringankan impak sesuatu kejadian bencana kepada rakyat dan masyarakat amnya, khususnya dalam menghadapi cabaran perubahan iklim.

Dewan yang mulia ini juga menyeru supaya semua pihak berwajib dapat bekerjasama untuk menangani masalah banjir dengan pelaksanaan projek-projek tebatan banjir yang lebih menyeluruh serta meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan alam sekitar dan mempertingkatkan keupayaan untuk menghadapi sebarang bencana.

Saya mohon mencadangkan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Padang Kota. Saya tiada bantahan saya nak minta Dewan untuk menyokong.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong yang diusulkan tadi.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya nak tanya ada apa-apa bantahan terhadap usul itu? Kalau tak ada, saya luluskan usul untuk diperbahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi adalah usul yang telah pun dikemukakan oleh YB. Padang Kota yang telah pun dibaca sebentar tadi dan saya ingin menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin menyertai sesi perbahasan terhadap usul ini. Sila YB. Pulau Betong.

**Ahli Yang Berhormat Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya bangun untuk menyokong usul yang dibuat oleh YB. Padang Kota. Satu usul yang baik untuk menjaga keprihatinan kita terhadap mangsa-mangsa banjir yang telah pun dilanda banjir pada hari Sabtu dan Ahad yang baru-baru ini. Dan sehingga ke hari ini pun di kawasan Balik Pulau dan di kawasan SPT dan SPS juga dan juga di Timur Laut saya rasa keadaan masih belum selesai *even* di pejabat saya pun air masih belum turun lagi.

So kita berharap agar agensi-agensi berkaitan sama ada Agensi Negeri ataupun Pusat yang telah pun sebenarnya memberikan komitmen yang tinggi untuk membantu masyarakat ataupun mangsa banjir ini. Kita amat menghargai keprihatinan mereka cuma saya mencadangkan ada beberapa perkara yang harus ditambah baik. Contohnya, saya mendapati ada khemah-khemah ataupun yang *small tent* untuk menempatkan mangsa-mangsa dalam dewan pemulihan itu, tidak mencukupi, tidak mencukupi.

Saya berharap itu dapat ditambah kerana saya mendapati di dalam pusat-pusat pemulihan sementara itu ada hanya tidur beralaskan kain sahaja tidak ada bantal, tidak ada tilam atau pun kita panggil 'lemek' untuk mereka tidur dengan selesa.

Begitu juga dengan bantuan-bantuan makanan sebenarnya ada yang disumbangkan oleh ramai banyak pihak tetapi ada yang tidak mengikut jadual dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan terutamanya yang sakit biasa seperti demam, batuk dan sebagainya. Apa pun kepada masyarakat Pulau Pinang saya mewakili Barisan Nasional dalam Dewan ini, kami amat prihatin dengan apa yang berlaku dan kita berharap semua pihak yang terlibat akan dapat terus menyumbang tenaga mereka untuk membantu mereka ini. Terima kasih.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih saya ucapkan kepada YB. Pulau Betong. YB. Jawi sila.

#### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Padang Kota yang cadangkan untuk usul ini. Saya setuju dan memang saya rasa usul ini perlu dibentangkan dan dipersetujui. Saya rasa keadaan banjir setiap kali berlaku, kali ini nasib baik KADUN Jawi tidak berlaku tetapi setiap kali hujan saya rasa setiap ADUN, Wakil Rakyat di mana-mana kawasan kita terpaksa menghadapi satu cabaran yang tinggi kerana kita kekurangan maklumat seperti maklumat-maklumat ramalan kaji cuaca daripada Jabatan Meteorologi. Kita setiap kali minta *information* yang terkini tetapi tidak boleh dapat, kerana *information-information* terkini ini dapatlah memberikan bantuan kepada kita dan juga kepada rakyat jelata. Di mana setiap kali rakyat jelata mereka mendapatkan info sama ada petang ini, esok ataupun malam ini akan berlaku ribut kuat, hujan lebat atau ada apa-apa cuaca yang baik atau buruk. Ini adalah salah satu info yang penting. Saya ingat Negara Malaysia kurang peka terhadap ramalan cuaca ini terutamanya Jabatan Meteorologi kerana setiap kali hujan lebat berlaku ataupun ribut kuat berlaku, masa yang terdekat yang kita dapat info ini adalah setengah jam sebelum itu atau satu jam sebelum itu. Kadang-kadang selepas bencana berlaku baru *information* kita dapat.

Saya harap terutamanya Kerajaan Persekutuan kena tubuhkan dan kuatkan Jabatan Meteorologi ini supaya *information-information* yang *updated* kena diberikan kepada rakyat dan juga kepada semua golongan pihak. Memang bencana-bencana yang berlaku setiap kali dilanda bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang, banyak negeri-negeri yang juga terlibat. Tetapi saya rasa Negeri Pulau Pinang yang bergerak dengan pantas, dengan jabatan-jabatan PBT, JKM, Pejabat Daerah dan juga RELA, pihak Bomba, JPAM dan lain-lain. Saya rasa kekurangan-kekurangan kakitangan atau anggota mungkin juga salah satu masalah seperti contoh kalau semua tempat yang terlibat dengan bencana ini memang tidak cukup kakitangan-kakitangannya untuk memberi bantuan. Tetapi inilah mungkin salah satu ciri ataupun faktor aspek yang kita boleh lihat untuk mempertingkatkan dan di mana saya rasa pihak Polis juga perlulah menyalurkan kerjasama kerana kadang-kadang kesesakan lalu lintas di mana kawasan-kawasan yang dilanda banjir ini tidak dapat dikawal dan pihak Polis, anggota Polis kenalah dihantar ke tempat-tempat tersebut untuk mengawal trafik, keadaan tersebut.

Saya rasa satu jabatan khas ataupun untuk menyatukan semua jabatan-jabatan dalam satu *committee* supaya setiap kali berlaku bencana maka jabatan-jabatan terutama jabatan seperti pihak Polis, JPAM, RELA, Bomba, Pejabat Daerah semua akan turun dan dapat info yang tepat untuk memberikan bantuan dengan segera. Mungkin inilah dapat dipertingkatkan dan saya rasa bukan sahaja Kerajaan Negeri berusaha untuk memberikan bantuan untuk menjalankan projek-projek tebatan banjir dan Kerajaan Persekutuan juga kena setiap tahun memberikan peruntukan yang cukup supaya kita dapat bekerjasama untuk selesaikan masalah-masalah banjir. Dan masalah-masalah banjir dan bencana ini kadang-kadang puncanya bukan sahaja kita menjalankan projek tebatan banjir, *I think* pencucian parit-parit yang besar juga haruslah dijalankan ikut jadual. Mungkin satu tahun tiga (3) kali, empat (4) kali sekurang-kurangnya mesti ada kerana kadang-kadang parit-parit terutama parit-parit tanah yang banyak di kawasan SPS menghadapi masalah yang lama tidak dicuci maka kalau hujan yang lebat turun dengan masa yang singkat ini, memang air tidak dapat mengalir dengan cepat. Saya harapkan inilah salah satu cara yang kita untuk selesaikan. Saya sokong usul ini.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Jawi. Silakan YB. Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Pertama sekali saya hendak mengucapkan takziah kepada keluarga yang meninggal dunia, bencana yang berlaku di Pulau Pinang hari ini. Semua kita tahu ini adalah satu perkara yang tidak pernah berlaku sebelum ini di Negeri Pulau Pinang, sungguh teruk sekali. Sudah tentulah Barisan Nasional, kita tidak berniat untuk bermain politik ataupun cakap politik tetapi apa yang saya hendak cakap di sini, pertama sekali saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua anggota-anggota kerajaan sama ada persekutuan ataupun pusat yang mana membantu saya di kawasan saya dengan begitu baik. Terutamanya JPAM, Polis, RELA, JKM dan banyak lagilah *volunteer-volunteer* yang datang. Tetapi patutlah kita sebagai wakil rakyat kitalah kena memainkan peranan yang memegang logistik. Kalau kita tidak berhubung baik dengan agensi-agensi kerajaan ini, pegawai-pegawai yang turun padang, mereka tidak tahu kawasan kita, rumah di mana, tempat di mana, sudah tentulah kita yang kena main peranan yang utama. Kitalah kena memberikan tunjuk arah, kitalah kena tunjuk kepada mereka kawasan, siapakah yang patut dikeluarkan, OKU di mana, orang tua di mana, warga emas. Kalau kita tidak memainkan peranan, kalau kita mengambil jalan mudah mengatakan bahawa perkhidmatan mereka tidak begitu ketara maka kita telah menidakkan satu perkara yang mana mereka buat dengan hati yang bersih, buat dengan semangat yang tinggi. Ada di antara pegawai-pegawai seperti Polis, JPAM, RELA sampai tidak tidur. So kawasan saya mereka telah menyelamatkan beberapa orang yang begitu sakit, yang tidak boleh dikeluarkan, mereka tanggung, yang boleh memudaratkan nyawa mereka juga kerana sungai begitu deras airnya.

Sukalah saya hendak menyarankan kepada Kerajaan Negeri supaya buat kajian menyeluruh kembali sama ada *content of water* yang turun dan parit yang ada, sungai yang ada, boleh atau tidak menakung air sebanyak limpahan begini dan kena buat kajian lebih *detail* dan dalam sebab apa dalam bulan ini sahaja, dalam dua (2), tiga (3) bulan ini, dua tiga kali banjir yang besar. Sudah tentulah kalau kita ada lagi fenomena-fenomena ini dan kita tidak boleh selesaikan masalah ini dan kita akan bergelumangan dengan masalah banjir yang akan melibatkan kerugian dari segi produktiviti kerja, ramai orang tidak boleh bekerja, ramai orang kena beli peralatan lain. Bukanlah kita datang beri bentuk makanan dan sebagainya, tetapi yang lebih besar dari itu, kalau hari ini kita tengok cukup mudah saya datang Dewan Undangan kerana tidak *jammed*, laju sahaja. Sebab apa tuan-tuan? Sudah tentulah ramai orang ambil cuti, ramai orang ambil cuti menyuci rumah, membersihkan rumah. Inilah melibatkan kerugian kepada rakyat Pulau Pinang.

Jadi YB. Dato' Speaker, saya sekali lagi menyarankan supaya jabatan Kerajaan Negeri buatlah peruntukan yang besar untuk JPS, buatlah peruntukan yang besar untuk Kerajaan Tempatan supaya parit-parit, longkang-longkang yang kecil ini boleh diperdalamkan, boleh diperbesarkan. Ini masalah utama, ini *core problem*. So dengan kata-kata itu, sekali lagi Dato' Speaker, saya hendak ucapkan takziah dan terima kasih kepada semua anggota persekutuan dan negeri yang membantu menyelesaikan masalah ini. Sekian, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Telok Bahang. YB. Seri Delima dahulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya juga ingin turut serta dalam perbahasan atas usul ini. Saya akan meringkaskan perbahasan saya, pertamanya dengan sekali lagi mengucapkan takziah kepada ahli-ahli keluarga yang telah meninggal dunia akibat bencana yang berlaku kelmarin dan kelmarin dulu. Pada masa yang sama saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menghulurkan penghargaan yang tertinggi di Dewan yang mulia ini supaya direkodkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya dan juga keseluruhan warga Pulau Pinang kepada (dengan izin)... *the unsung heroes* kepada semua yang telah turun untuk membantu di tempat-tempat di mana berlakunya banjir, berlakunya tanah runtuh, berlakunya pokok yang tumbang. Di kawasan saya, saya mengambil kesempatan ini, mungkin terlepas beberapa nama, pertamanya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Penghulu Nasrizal yang telah bersama-sama saya di kawasan saya daripada pagi hinggalah ke petang untuk membantu mengalihkan semua pokok-pokok yang tumbang terutamanya di Jalan Sultan Azlan Shah, di jalan utama di mana aliran trafik terganggu dan pada masa yang sama kepada pasukan JKKK saya daripada Sungai Gelugor dan juga Taman Tun Sardon yang begitu mahir dengan penggunaan....(dengan izin) gergaji elektrik, gergaji untuk memotong, mencantas, memangkas pokok tersebut untuk mengalihkannya dan



juga kepada tentera yang telah bersama-sama saya, dua (2) pasukan yang telah bersama-sama saya untuk memastikan bahawa pokok-pokok yang tumbang itu dialihkan dengan segera.

Saya rasa pada masa begini, terdapat seruan daripada masyarakat, bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di seluruh negara untuk kita meletakkan tepi isu-isu politik dan bersama-sama, tidak kiralah sama ada daripada Barisan Nasional ataupun Pakatan Harapan, kita bersama-sama untuk memastikan bahawa kebajikan rakyat, nasib mereka terbela. Dan saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada barisan EXCO kita. Penglibatan barisan EXCO adalah *unprecedented*....(dengan izin), di mana kita lihat semua barisan EXCO termasuk Ketua Menteri telah turun padang, tidak perlulah saya sebut YB. Datok Keramat, tiap-tiap kali terdapat banjir, kita lihat beliau dalam keadaan berdiri dalam keadaan air yang sampai pinggang. Dua, tiga kali saya telah lihat beliau mengusung warga emas menggunakan tenaga kudrat beliau dan di situ juga kita lihat Tentera Udara Diraja Malaysia, tentera telah turun, mungkin daripada Rejimen Askar Melayu Diraja. Kita berterima kasih kepada mereka. Dan ini menunjukkan sifat-sifat keberanian dan kesediaan rakyat Malaysia. Ada yang memasak makanan di rumah, kita lihat dalam surat khabar, saya minta pihak surat khabar melaporkan bahawa kita mengucapkan jutaan terima kasih ada yang memasak di rumah, membawa, mengusung makanan tersebut untuk menghantar. Keprihatinan, inilah sesuatu yang membanggakan saya. Sebagai warganegara Malaysia, kita bersama-sama mengatasi belunggu masalah ini tidak kira orang Melayu, orang Cina, orang India, Punjabi dan sebagainya, semua sedia membantu untuk memastikan rakyat, nasib rakyat di Pulau Pinang terbela.

Pada masa yang sama, saya mengambil kesempatan ini untuk memohon jasa baik Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada sebelah sana, kalau boleh daripada Barisan menasihatkan ahli-ahli politik supaya tidak melemparkan apa-apa tuduhan, mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang memperkecilkan penglibatan Kerajaan Negeri, komitmen Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama saya berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri. Saya difahamkan bahawa ketika beliau dihubungi pada jam tiga atau empat pagi oleh Ketua Menteri, di mana Ketua Menteri memohon bantuan dikerahkan tentera untuk turun bersama-sama, panggilan daripada Ketua Menteri telah pun diterima, dijawab oleh Timbalan Perdana Menteri di mana beliau telah mengarahkan tentera untuk turun sama-sama membantu. Dan kelmarin saya difahamkan Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim pun telah turun di kawasan Seberang Perai Tengah, mengadakan mesyuarat, lewat pada jam 10.00 malam untuk memastikan bahawa segala kerja-kerja *search and rescue*....(dengan izin) berlangsung dengan lancar....(dengan izin) Dato' Speaker.

Jadi saya menyatakan perkara ini kerana adalah penting untuk rakyat di Pulau Pinang sentiasa memastikan walaupun kita kadang-kala berbalah di atas isu-isu politik, di atas isu - isu polisi dan sebagainya, kadang-kala malapetaka ini menjadi satu *blessing in this guides* kerana...(dengan izin) malapetaka begini menunjukkan sifat kemanusiaan kita, menunjukkan sifat kita tak kiralah Barisan atau Pakatan Harapan, DAP, PKR dan sebagainya yang sama-sama kita datang untuk membantu tak kiralah ada seorang aci di kawasan saya yang mengatakan bahawa beliau ingin menggunakan wang RM100 yang beliau terima selama 4 – 5 tahun ini untuk memasak dan menyerahkan makanan kepada orang-orang yang memerlukan. Ini menunjukkan sifat kemanusiaan. Sebab itu saya katakan kadang-kala malapetaka yang berlaku sebegini mungkin mungkin merupakan satu *blessing in this guides* untuk kita bersama-sama menunjukkan sifat kemanusiaan dan dikala ini saya ingin juga mengucapkan jutaan terima kasih sebagai seorang *backbenchers* kepada Kerajaan Selangor di mana kita lihat kelmarin saya difahamkan Menteri Besar Selangor telah turun sendiri dan mengumumkan pemberian bantuan sebanyak RM1 juta untuk membantu kita mengatasi masalah yang dihadapi oleh semua warga di Pulau Pinang. Ini adalah perkara yang begitu membanggakan kerana kita rasa penglibatan, komitmen yang ditunjukkan oleh Menteri Besar Selangor bersama dengan Kerajaan Selangor dan saya juga difahamkan ada juga Barisan EXCO pemimpin-pemimpin Parti Politik daripada Pakatan Harapan, PKR dan Amanah yang telah datang dari Kuala Lumpur turun ke padang untuk membantu di kawasan-kawasan tertentu, ada yang masih lagi berada di kawasan ada yang akan datang pada pagi dan petang ini untuk memastikan bahawa nasib warga di Pulau Pinang ini yang mengalami masalah yang masih sedang mengalami masalah terbela.

Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada YB. EXCO yang telah membuat usul ini dan saya mengambil kesempatan ini untuk berbahas dan turut menyokong usul ini. Sekian terima kasih.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Seri Delima, sila YB. Sungai Acheh.

### **Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

*Assalamualaikum* WBT. YB. Dato' Speaker, Ahli Mesyuarat, yang pertama sekali sebagai seorang Islam saya nak menyebutkan di sini apa yang berlaku hari ini adalah atas kehendak Allah SWT. Kita mohonlah padaNya supaya malapetaka ini dapat dielakkan sebagai orang Islam.

Yang kedua saya nak ucap juga takziah kepada semua mangsa-mangsa banjir dan kita sebenarnya amat simpati apa yang berlaku pada mereka ini tanpa mengira kaum, agama, parti dan sebagainya.

Yang seterusnya nak ucap terima kasih banyak kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian turun padang untuk membantu mangsa-mangsa banjir yang telah berlaku pada 4 hari bulan baru ini dan termasuklah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang turut membantu dan *Alhamdulillah* hari ini pemimpin besar Barisan Nasional yang kedua dapat hadir Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri turun ke padang termasuklah Menteri Pertahanan juga hadir pada hari ini.

Sebenarnya sebagaimana yang diketahui diperingkat Negeri ini sudah tentu ada satu Jawatankuasa Bencana Alam yang telah wujud berapa lama lagi yang lazimnya mengikut kefahaman saya di tiap-tiap daerah Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Bencana Daerah, dan di bawah Pejabat Daerah mengandungi Jabatan-Jabatan lain sama ada Pusat atau Negeri. Jabatan Kerja Raya, JPS, Bomba, RELA, JPAM, Tentera, PDRM dan lain-lain NGO yang terlibat. Sudah tentu melalui pengalaman yang ada kepada jawatankuasa kepada lima (5) daerah telah pun menentu dan merancang sebagai persediaan untuk menghadapi banjir atau bencana alam seumpama ini.

Oleh itu saya menyerulah semua jabatan terlibat supaya lebih kuat dan gigih lagi mengatur strategi tertentu untuk menentukan setiap bencana alam yang berlaku ini dapat kita atasi, kalau tidak kita selesai semuanya, paling tidak kita menyelesaikan sedikit sebanyak perkara ini.

Kemudian saya juga yakin dan rakan-rakan juga yakin bahawa di antara punca-punca banjir yang berlaku ini ialah walaupun kita kata kehendak Allah tapi kita sebagai manusia mesti ada ikhtiarnya. Kita janganlah salah kerana hujan lebat dan sebagainya tapi yang pentingnya kita, sebagai manusia yang diberi akal dan fikiran sudah tentu yang ada ilmu ini untuk menentu dan membantu mencari jalan supaya kita atasi mengikut kemampuan kita sebagai insan yang bersifat baharu ini. Jadi di antara punca yang sering disebut yang pertama pembangunan kita selalunya tidak terancang kita dapat atasi apa yang berlaku lereng bukit, apa nama parit yang kita tersumbat semua ini pembangunan yang tidak terancang. Yang kedua, berlaku juga pembangunan yang secara haram yang berlaku ini. Juga YB. Padang Kota pernah menyebut yang tak dapat kita kawal oleh itu dapatlah supaya kita kuatkan penguatkuasaan kita supaya pembinaan haram ini dapat kita atasi dan untuk merancangkan pembangunan ini melalui jawatankuasa tertentu supaya kita dapat teliti dengan lebih lagi melalui pengalaman yang berlaku, kalau kita tau lereng bukit ni tak boleh buat kita janganlah mencadang dan mengesyorkan supaya ianya dilaksanakan juga.

Kemudian saya nak ambil contohlah bila sebut soal pembangunan haram ini di kawasan saya, *Alhamdulillah* kawasan saya yang selalu berlaku banjir ini namanya Kampung Surau, Sungai Udang, tengok YB. Dato' Speaker tau selalu ke sana dulu semasa EXCO Pertanian. Berlakunya ini kerana pembangunan yang tidak terancang, ada pembangunan yang haram, dari Kampung Surau, ada satu laluan yang Pejabat ICU bina, longkang, kemudian air itu mengalir ke parit Sungai Udang Besar nama. Sungai Udang Besar ini bermula daripada bangunan Bomba Sukarela yang kita bersama di tempat itu dulu. So, parit Sungai Udang Besar ini baik di sebelahnya, maknanya melintasi parit itu banyak pembinaan-pembinaan baru dibuat dan pembinaan baru yang cantik-cantik belaka tapi yang anehnya lintasan daripada sebelah sana ke rumah itu tidak dibuat satu jambatan yang cukup cantik bagi memudahkan pengaliran air itu melalui jalan parit Sungai Udang Besar itu. Ada yang setengahnya Dato', depa bina "kok" orang kampung kata "kok" yang kecil kerana satu "kok" saja, kadang dua "kok" rendah, akhirnya bila berlaku hujan, sampah-sampah yang sebelum ini terhimpun, tersekat di "kok-kok" tersebut, termasuklah kaitan dengan wujudnya kolam-kolam udang, kolam-kolam ikan di darat yang apabila mereka *harvest* maka kelodak-kelodak kolam ini dibuang begitu saja dan tersangkut di tempat-tempat yang tersebut. Dan salah satu lagi puncanya mungkin kawalan pantauan kepada pintu air. Pintu air di kawasan saya yang terlibat ini adalah pintu air Sungai Udang Besar yang pintu air yang merupakan pintu air yang secara automatik tapi sampahnya banyak dan kelmarin saya pergi tengok melawat kawasan tersebut terlalu banyak sampah, tapi nasib baiklah saya nak ucap terima kasih kepada JPS, Dato' Speaker, mungkin sebab saya buat soalan Dewan ini saya pi tengok parit itu cuci bersih mungkin salah satu puncanya banjir tak berlaku dengan izin Allah. Jadi itu saja, saya menyokong usul ini, terima kasih Dato' Speaker.

## **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Sungai Acheh. YB. Air Itam.

## **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya mengambil peluang untuk serta dalam tebatan pagi ini, terutama sekali saya ucapkan takziah kepada keluarga yang meninggal. Saya difahamkan ada enam (6) kematian dan salah satu, salah duanya adalah di kawasan saya KADUN Air Itam yang tak sempat untuk meminta bantuan, air naik mendadak untuk tepi sungai dan saya rasa kita harus mengambil iktibar daripada bencana banjir ini kerana saya masih ingat dalam masa 12 bulan, sudah kali ketiga kita mengalami banjir besar. Pada 29 Oktober 2016 tahun lalu, pada 15 September 2017 iaitu lebih kurang dua (2) bulan lalu, dan pada 5 November 2017. Dalam jangka yang begitu singkat, banjir kekerapan banjir begitu kerap dan kali ini memang amat teruklah sekali kawasan yang tidak pernah dibanjiri, tidak pernah dinaiki air juga dinaiki air. Dan juga kawasan pasar Air Itam dan juga kawasan Pekan Lama Air Itam ada naik satu (1) hingga dua (2) kaki. *Balik Pulau Road* tak pernah dalam masa 50 tahun, tak pernah dinaiki air di depan pejabat saya juga tak pernah dalam sejarah naiki air juga dinaiki air hingga satu (1) kaki dan tempat-tempat lain macam kawasan Thean Teik, Kawasan Shaik Madar sampai empat (4) kaki, lima (5) kaki, enam (6) kaki. So saya rasa ini satu fenomena dan saya meminta pihak-pihak berkenaan, dia bukan sahaja JPS, saya rasa kita lihat adalah hendaklah satu *multilevel approach* dari segi pengurusan air, tebatan banjir, perancang pembangunan dan sebagainya, kena ambil satu *approach multilevel* untuk dan juga pihak kaji cuaca dan sebagainya. Kena ambil satu pendekatan bukan hanya tebatan banjir sahaja. *Multi participation* dari pelbagai agensi kena ambil *approach* itu bukan sahaja hanya tebatan banjir sahaja.

Saya rasa itu adalah penting kerana saya rasa ada kekurangan dan kelemahan dari segi pengurusan tebatan banjir ini kita tidak boleh terlalu mengongkong, kena lihat juga perubahan *climate change* dengan hujan yang turun dengan begitu banyak dan kita harus mengambil pendekatan itu. Yang itu kita boleh, kita perlu buat perkara itu, yang itu dulu. Dan selain itu kita juga perlu memperkasakan pengurusan bencana negeri. Saya rasa pengurusan bencana negeri perlu ada satu penambah kekuatan. Bukan sahaja untuk bantuan kepada pelbagai aspek bantuan kepada mangsa *relief center* dan sebagainya. Juga ada pengurusan maklumat pengurusan maklumat ada terima saya terima maklumat ada pelajar yang lewat SPM dia datang, dia dari Air Itam dia nak pergi ke Balik Pulau *Sacred Heart* untuk ambil SPM tapi dia tak tau Jalan Tun Sardon sudah tutup. Walaupun saya sudah *post message* dalam *facebook* saya, Buletin Mutiara sudah post, surat khabar sudah bagi tau, bahawa Jalan Tun Sardon sudah tutup tapi masih ada maklumat masih belum tersampai kepada golongan sasaran dan saya rasa pengurusan bencana ini semua Jabatan Kerajaan, ini bukan sahaja kerja Penghulu, kerja Pejabat Daerah, ataupun RELA atau JPAM, ataupun SUK, ataupun tebatan banjir, semua Jabatan Kerajaan kerana kita perlukan sekarang ialah bantuan, *caring* bantuan dan juga mencuci rumah. Saya rasa mungkin saya rasa cadangkan semua Jabatan semua Ketua-Ketua Jabatan turun kerana semua Ketua-Ketua Jabatan turun untuk bantu cuci dan juga bersama dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan, Ahli-ahli Parti, Ahli-ahli NGO semua dengan Ahli Korperat semua bantu *adopt* satu zon yang kecil, bantu cuci, bantu semua.

Saya rasa itulah, supaya kita dapat kembali kepada, selepas cuci, semua ini dapat dikembalikan kepada *normal* pada masa yang tersingkat. Kita terima banyak permintaan, negeri-negeri lain orang-orang lain nak turun untuk bantu kita. Saya rasa juga semua bukan sahaja pegawai-pegawai kerajaan, *private sector* boleh turun juga membantu keluarga-keluarga yang dilanda banjir untuk cuci rumah khasnya orang-orang tua yang duduk bersendirian.

Saya ingin ucapkan terima kasih kepada beberapa NGO yang telah turun kelmarin dan hari ini di kawasan Air Itam. Antaranya ialah Buddhist Tzu Chi, Malaysian Buddhist Association, JCI, Sunshine Farlim yang telah membantu untuk berikan makanan, minuman, kaunseling, membantu mencuci rumah. Saya rasa pendekatan ini perlu kita panjangkan ke semua kawasan supaya sekurang-kurangnya kita dapat membantu mereka yang dalam kesusahan supaya kehidupan dapat dikembalikan dan saya juga akan menyertai dalam perdebatan seterusnya mungkin beberapa hari lagi tentang bagaimana, apakah yang akan kita buat dan untuk memperbaiki SOP pengurusan banjir, pengurusan air dan sebagainya.

Tapi buat masa ini kita harus menumpukan perhatian kita untuk memberikan maklumat kepada orang ramai, jalan mana yang tutup. Jalan Paya Terubong menuju ke Relau telah ditutup. Titi di depan Masjid Farlim telah ditutup. Kena ada maklumat ini. Saya tak nampak maklumat ini dipaparkan. Mungkin di JKR sini satu, mungkin MBPP sini satu, tapi tak ada. Tak ada satu maklumat, tak ada satu *Info Penang*, satu *Information Penang* yang mempunyai maklumat komprehensif kepada orang ramai. Buletin Mutiara

sepatutnya kerja 24 jam dalam masa ini. 24 jam untuk *update information*. Kalau tidak, orang ramai akan pergi sana, pergi sini, cari jalan sudah tutup tapi masih nak pergi. Mereka tidak tahu, jadi sangkut di sana. Saya rasa maklumat-maklumat ini penting. Walaupun kita *invest* 500 CCTV, saya nampak CCTV Center kita, 500 kamera, 500 *screen*, begitu banyak tapi maklumat tak sampai kepada pemandu kereta, kepada orang ramai, kita perlu, kita perlu satu *info* yang penting. Senarai-senarai jalan. Ada saya terima lagi permintaan nak cuci jalan, cuci longkang di sini. Semua kena salurkan kepada pihak MBPP dan dibuat dan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk turut membantu. Saya rasa, saya menyokong usul ini dan akan *participate* dalam *debate* tentang bajet, tentang isu-isu berkaitan dengan air dan pengurusan air. Sekian.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Air Itam. Silakan YB. Penanti.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

*Assalamualaikum. Bismillahirrahmanirahim* dan selamat pagi. Saya hanya nak, pertamanya nak ucapkan terima kasih kepada, Penanti kali ni memang banjir yang paling teruklah *so far* yang saya pernah alami dan sebelum kejadian banjir pada 5 hari bulan, 4 hari bulan tu pun kita ada banjir lumpur juga di dua (2) tempat di Penanti. Jadi saya nak mengingot ataupun supaya Kerajaan Negeri melihat juga kepada, memang kita ada, macam apa yang berlaku pada 5 hari bulan tu mungkin kita tak boleh nak buat apa. Air terlampau banyak, Sungai Kulim dah masuk. Semua tempat-tempat yang tak pernah banjir dalam masa berpuluh tahun tiba-tiba banjir kan? Tapi bagi banjir yang boleh mungkin dikawal sepertinya pada banjir lumpur yang 3 hari bulan di Penanti. Dua (2) banjir lumpur disebabkan oleh pengorekan jalan oleh syarikat utiliti. Sebagai contohnya di Kampung Pelet, 13 rumah dan juga, bila ada juga aduan mengenai punca banjir daripada kuari. Jadi saya harap pihak berwajib juga akan melihat dan menyiasat punca-punca banjir dan juga banjir lumpur pada 3 hari bulan November baru ni ialah juga daripada projek perumahan. Tanah-tanah merah yang datang. Maknanya sebelum projek perumahan tu *start, all the earthwork*, kerja-kerja tanah itu boleh menyebabkan banjir lumpur yang teruk masuk dalam kawasan perumahan seperti di Taman Guar Perahu dan juga di Mengkuang Mat Sulung.

Saya berkesempatan berjumpa dengan Ketua Pengarah Bencana di Pejabat Daerah SPT dan saya diberitahu oleh Ketua Pengarah yang *the next* banjir besar akan berlaku pada 4, 5 dan 6 Disember. Jadi, berdasarkan apa yang kita telah, saya tanya juga dekat dia, pada banjir 4 dan 5 hari bulan tu, malam dan pagi tu, pusat banjir *federal* ke, negeri ke, ada mempunyai *probability* tak ataupun data tak yang banjir sebesar itu akan berlaku? *So* dia kata mereka jangkakan ada banjir tapi mereka tak jangka seteruk itu disebabkan oleh ribut tetapi *since* Ketua Pengarah dah mendapat data yang pada Disember 4, 5 dan 6 akan berlaku lagi banjir besar, saya harap Kerajaan Negeri kita *for the next one, the big one*, kita bersedia sebab macam semalam bila saya tengok di Penanti semua dewan banjir, orang ramai, dia orang kadang macam *for example* di Guar Jering, kita tak, dia orang tak sempat angkat selimut *and all*, lemek ke bantal ke, jadi yang benda-benda macam tu la, banjir yang 15 September dulu saya nampak bagus sebab kita, JPAM bawa *cubicle-cubicle*, lepas tu ada orang nak salin baju ke, maknanya sempat la nak bawa. Kali ni, saya harap mungkin boleh beli banyak lagi *cubicle-cubicle* tu supaya takdelah bila kita letak orang dalam dewan-dewan banjir ataupun di sekolah, di masjid, tak da macam bergelimpangan macam tu. Kesian kan? Sebab setakat ini apa yang kita buat, masak secara gotong-royong tapi perkara-perkara seperti...*especially* orang tua-tua la, selimut, bantal, lemek tu, saya harap kita boleh bersedia dengan lebih baik seperti yang 15 September baru-baru ini.

Saya nak mengucapkan berbilang terima kasih kepada Penghulu Wan, ADO, DO SPT, JPAM, semua JKKK dan pegawai-pegawai saya yang tak tidur dan semua penduduk kampung, TNB pun sebab banyak sangat pokok jatuh, elektrik tak ada dan *Alhamdulillah* pagi ini *much better*. Jadi saya nak mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada JKKK, Bridget Wanita dan semua sukarelawan, semua syarikat-syarikat yang telah bagi makanan. Saya harap untuk banjir, *the next big* banjir *December 4th, 5th and 6th* ni, kita akan lebih bersedia dan kalau kita perlu pindahkan orang lebih awal, kita harus pindahkan. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Penanti. Saya persila YB. Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan takziah kepada keluarga mangsa-mangsa yang meninggal dunia dalam banjir ini dan juga terima kasih kepada YB. Padang Kota

untuk membangkitkan usul tergepang yang benar-benar penting dan juga mustahak untuk sama-sama kita melihat balik tentang kerja-kerja penyelamatan dan juga penyaluran bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Saya ingin kongsi satu pengalaman dalam semalam, 4 hari bulan November sehingga 5 hari bulan November, memang saya tau semua orang tidak tidur lah di seluruh Negeri Pulau Pinang dan tidak dapat tidur kerana hujan lebat, ribut kencang dan banyak telefon-telefon juga kita terima pada hari itu khususnya wakil-wakil rakyat dan saya ada terima satu panggilan daripada Bomba Sukarela yang di Machang Bubuk, kata ada satu rumah orang tua yang sudah dibanjiri di Taman Jambu dan mereka dihantar ke Dewan Orang Ramai Machang Bubuk yang lebih tinggi.

Tapi masalahnya 11 orang tua yang dihantar pergi ke Dewan Orang Ramai itu, mereka tidak ada apa-apa bantuan pada masa itu adalah 3.30 pagi. Ramai telah balik rumah dan memang yang mereka perlu macam *at least* tikar dan tilam untuk mereka boleh duduk dalam keadaan yang *basic* untuk mereka boleh berehat tapi malangnya mereka, kita tidak dapat kumpulkan barang-barangan itu kerana semua sibuk, ada yang tidak dapat sampai dan mereka hanya boleh duduk di atas kerusi sehingga pagi. Masa 3.30 saya terima panggilan itu, saya cuba ambil tilam-tilam yang ada di rumah saya nak pergi. 3.30, saya duduk di Kampung Pertama nak pergi tetapi jalan-jalan semua sudah ditenggelami. Dari Jalan Baru nak pergi ke Machang Bubuk, Jalan Bukit Tengah. Jalan Baru di depan Mydin juga sudah tenggelam. Kereta saya pun tak boleh lalu. Pukul 4 pagi saya *stuck* di sana. So memang tak ada satu infomasi yang tepat bagi kita sama ada jalan itu boleh kita lalu atau tidak? Saya tengok banyak kereta-kereta terpaksa ditenggelami oleh air di sepanjang jalan itu. So maklumat-maklumat yang tadi ada YB. Air Itam, YB. Seri Delima pun ada sebut. Saya rasa kita di Pulau Pinang ini, walaupun kita mungkin tidak ada stesen radio tetapi jika bencana berlaku, saya rasa setiap satu jam perlu ada maklumat-maklumat yang boleh rakyat dapat daripada *either* radio atau satu siaran khas, *channel* yang khas untuk penduduk-penduduk di Pulau Pinang supaya mereka boleh mendapat maklumat-maklumat yang betul. Okey jalan itu sudah tutup, tak perlu keluar lagi lah. Pergi pun tak boleh sampai. Tapi orang yang terkurung dalam kawasan banjir itu, mereka harapkan orang untuk pergi untuk bantu mereka. So maklumat-maklumat seperti jalan, trafik, semua itu penting untuk kita menyalurkan bantuan ke kawasan-kawasan yang memerlukan bantuan. Ini saya rasa satu cabaran yang sangat besar bagi kita semua. Memang kita nak membantu, memang sekarang kita terima banyak infomasi seperti ada orang tua yang telah terkurung dalam rumah. Tak ada orang boleh pergi. Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada banyak sukarelawan juga dan juga jabatan dan agensi-agensi semua termasuk angkatan tentera yang telah pergi di kawasan saya di Kuala Tasik di mana ada orang empat (4) orang tua di kampung tidak boleh keluar, terpaksa angkatan tentera masuk untuk bawa mereka keluar. Sebab Bomba, sukarela dan bot-bot semua pun sudah tidak cukup untuk sampai ke kawasan-kawasan yang memerlukan hantar orang keluar.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mungkin boleh mengkaji adakan satu siaran atau *channel*, saluran khas semasa bencana berlaku. Kita perlu ada *information update* setiap setengah jam atau satu jam untuk semua orang boleh tahu, sebab bukan semua orang ada *four wheel drive*, bukan semua orang boleh sampai ke destinasi dia dalam masa yang perlu dalam jangka masa yang terdekat. So, itu saya rasa itu penting dan sekiranya saluran itu atau radio itu boleh digunapakai, maka ia perlu disebarkan, diwar-warkan kepada orang ramai apa-apa maklumat boleh didapati melalui saluran tersebut.

Kedua, saya juga ingin menyokong cadangan daripada Padang Kota iaitu SOP itu perlu ditambahbaik, *Standard of Procedure* itu perlu ditambah baik, khususnya dari segi kesedaran penduduk terhadap langkah-langkah berdepan dengan bencana ini. Tadi ada ramai Ahli-ahli Dewan juga menyampaikan bahawa ini dalam sejarah paling teruk, dalam sejarah sebab ramai yang tidak ada pengalaman, termasuk rumah saya sendiri. Saya tak pernah menghadapi apa-apa banjir tetapi pada hari itu, kita pun tidak sangka banjir sampai ke rumah saya. Semua lantai, semua *wooden floors* semua sudah habis. Memang kita tidak ada satu, saya bersyukur juga bahawa negara kita bukan sentiasa berdepan dengan bencana-bencana seperti ini dan ini juga menjadi kita atau tidak senang mengabaikan kesedaran untuk kita berdepan. Kita tengok ada ramai tidak tahu macam mana hendak berdepan dengan banjir, mereka tidak tahu *how to*, bagaimana *to*, hendak menangani apabila banjir melanda ke kawasan mereka. Saya setuju kita tidak ada satu ramalan cuaca seperti di negara-negara lain yang di Japan yang ada gempa bumi, yang ada *typhoon*, mereka sudah ada pelbagai *alarming system* untuk memberitahu penduduk-penduduk dan sebelum bencana itu berlaku, jika apa YB. Penanti tadi, 4 dan 5hb Disember akan datang sekali lagi, maaf, 4, 5 dan 6hb akan berlaku sekali lagi cabaran ini. Saya tengok kita memang jarang ada pendidikan supaya mensiapkan sedia kepada penduduk, sebab ramai merasa bencana itu tidak akan berlaku kepada mereka, itu akan berlaku di tempat-tempat lain. Maka *the sense of urgency* dan juga krisis itu dia kurang.

So, saya mencadangkan supaya kita perlu keluarkan satu arahan SOP yang jelas kepada semua penduduk dan rakyat Pulau Pinang supaya mereka boleh sama-sama membantu, orang yang tidak terlibat atau selamat daripada banjir itu, mereka boleh juga membantu mangsa-mangsa yang di lain. Sebab kadang kala, macam di satu taman, ia sudah ditenggelami oleh banjir, bagaimana jiran dan orang muda boleh pergi membantu jiran mereka yang tua. Ada saya terima panggilan telefon, ada yang tinggal di kawasan YB. Padang Lalang, Desa Damai, dia kata ada orang tua yang dikurung dalam rumah oleh anak-anak mereka yang tinggal di luar tetapi ibu-bapa dikurung di dalam rumah di Desa Damai, tidak ada orang. Saya ada tanya, *you* adakah kenal ada siapa-siapa jiran-jiran yang tinggal sebelah rumah orang tua itu, boleh tolong pergi tengok mereka, tetapi mereka kata semua sibuk untuk menangani banjir. Mereka pun tidak kenal, ramai yang tidak kenal jiran mereka. Inilah yang kita perlu bagi tahu sekiranya orang hendak membantu, mereka ada cara dan jiran itu boleh membantu orang-orang yang memerlukan bantuan selain menunggu pasukan penyelamat untuk sampai ke sana. Terlalu susah untuk kita sebagai wakil rakyat untuk masuk, kita tidak ada bot dan tidak boleh masuk, hanya bergantung kepada pasukan penyelamat.

Akhir sekali, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua jabatan-jabatan, agensi kerajaan tidak kira Pusat atau Negeri dan juga ramai sukarelawan yang telah menghulurkan bantuan kepada kita. Inilah semangat orang Pulau Pinang yang saya tengok dan memang sangat menyentuh hati saya. Saya tengok telefon saya bukan sekadar menerima aduan tetapi juga ramai yang telefon saya untuk menghulurkan bantuan, tanya YB. ada apa-apa perlu bantuan, mana-mana tempat *four wheel drives* kita boleh bawa masuk makanan, boleh bagitahu kita macam mana hendak membantu. Memang saya amat terharu dengan sumbangan dan semangat membantu daripada kalangan rakyat Pulau Pinang ini. Itulah, saya berharap bahawa cabaran kita semua sekarang adalah kita mungkin perlu mempercepatkan dalam masa dua (2) minggu ini, perlu *how to really*, macam mana untuk membantu khususnya menyampaikan dan menghulurkan bantuan itu kepada mangsa-mangsa banjir. Sekarang cabaran untuk kita semua termasuk jabatan-jabatan iaitu banyak pokok-pokok yang tumbang, semua itu perlu dibersihkan atau diangkat keluar daripada kawasan-kawasan, jalan-jalan utama atau longkang-longkang yang sekarang masih tersumbat dengan sampah, itu perlu dibersihkan dalam masa yang segera. Dengan ini saya mohon menyokong.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Silakan YB. Permatang Pasir.

#### **Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

*Assalamualaikum WBT.* Saya juga ingin mengambil bahagian di atas usul tergepar yang dibawa oleh YB. Padang Kota yang mungkin menyentuh sedikit perasaan kita di Pulau Pinang ini. Apa yang berlaku memang musibah yang kita tidak minta, semua orang tak nak musibah yang sedemikian dan ini kali yang kedua. Saya difahamkan sebelum ini waktu itu berkebetulan saya berada di Tanah Suci dan berlaku banjir besar juga. Mereka kata kali ini juga agak besar dan bahkan di bawa pula di dalam Sidang Dewan, dibuat usul tergepar. Dan bila berlakunya musibah banjir yang kita agak juga banjir yang datang dengan tiba-tiba yang kita belum banyak berpengalaman berkaitan dengan menghadapi dan menangani hal-hal sebegini, tetapi walau macam manapun kalau kita hendak menyatakan bahawa ada beberapa perkara khusus bila berlakunya banjir. Jadi kalau kita hendak cari punca masalah memang ada la. Tetapi bukanlah satu perkara yang kita boleh bahaskan di sini tetapi bagaimana kita hendak berhadapan dengan situasi yang di kalangan masyarakat dan khususnya mereka yang terlibat dengan banjir ini. yang bagi saya, saya cukup bersimpati yang mana saya sendiri dapat merasai bila kita turun dan melihat secara dekat mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana banjir.

Saya juga turun semalam, dua kaki, tiga kaki jugalah air naik. Agak menyentuh perasaan juga dan rasa amat sedih bila berlaku sedemikian apabila kita melihat pelbagai bentuk kerugian sama ada kerugian di dalam rumah sendiri, kenderaan dan juga tidak ketinggalan di kawasan saya ada kebun-kebun sayur. Kebun-kebun sayur ini semua habis, saya pun saja-saja melawak lah, semalam saya datang hendak cari sayur tetapi pergi tengok, sayur semua habis. Pergi tengok kebun sayur ni kira dalam dua (2) bulan ini sayur akan mahal di Pulau Pinang terutama di kawasan Bukit Mertajam, sebab kebun sayur di sini semua habis tenggelam dan semuanya rosak. Hendak pulihkan balik, ini akan ambil masa, saya rasa dalam masa dua, tiga bulan jugaklah. Sebab itu saya rasa perlu juga pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Pertanian ambil kira untuk bagi juga apa bentuk bantuan dan sumbangan untuk pulihkan balik semangat dia orang supaya mereka dapat teruskan penanaman sayur ini.

Di samping, di kawasan-kawasan termasuk kawasan saya juga ada kolam-kolam ikan yang dia orang pelihara ikan dalam kolam-kolam, bila berlakunya banjir dan kebetulan saya pergi ke satu kawasan ada kolam-kolam ikan, mereka ini sedang menjala ikan. Saya tanya ada ikankah? Mereka kata ikan ini adalah ikan dari kolam ikan habis dah keluar, dia orang jala juga kot-kot dapat tapi air dah melimpah ke kawasan pertanian dan kawasan-kawasan sawah dan parit-parit yang lain, habislah. Air juga sudah melimpah, habis. Jadi semua hasil-hasil usaha yang telah dilaksanakan itu hendak pulihkan balik akan ambil masa yang lama.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan takziah kepada mereka keluarga mangsa yang telah meninggal. Kita perlu juga ambil beberapa pandangan oleh rakan-rakan saya tadi, kita memohon supaya banjir besar tidak akan lagi berlakunya banjir lagi walau pun macam YB. Penanti kata pada tarikh 4, 5 dan 6 Disember akan berlaku lagi banjir besar. Kita berdoa supaya tidak akan berlaku dan mudah-mudahan kita mesti dalam keadaan sentiasa bersiap sedia. Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada mereka yang telah memberi bantuan, sumbangan termasuklah YB. Seri Delima sebut tadi Selangor memberi bantuan kewangan dan tidak ketinggalan juga saya difahamkan Negeri Kelantan juga akan memberi bantuan dan sumbangan kewangan. Bantuan-bantuan kerosakan ini kepada semua orang yang kena ataupun terlibat dengan banjir ini, selain daripada makanan, saya rasa bab-bab makanan tidak menjadi masalah sangat sebab kita memang menyediakan keperluan makanan. Yang saya rasa ialah berkenaan kenderaan, boleh kata banyak akan berlaku kerosakan.

Di samping itu yang paling penting kita mengharapkan supaya semua mangsa-mangsa banjir di dalam keadaan menerima dengan tabah hati dan bersabar. Kepada semua pihak, kita perlu sentiasa memantau dan juga memberi bantuan dan semangat yang sewajarnya. Saya dengan ini menyokong di atas apa yang dibawa usul tergepar ini oleh YB. Padang Kota. Terima kasih.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Permatang Pasir. Saya izinkan dua lagi, silakan YB. Pulau Tikus.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana memberi peluang kepada YB. Padang Kota, terima kasih kerana membawa usul ini. Saya ada beberapa cadangan yang ingin dipanjangkan kepada pihak kerajaan. Pertama sekali saya rasa mungkin adalah lebih efektif jika kerajaan kita boleh mewujudkan satu sistem di mana setiap penduduk di Negeri Pulau Pinang tahu pusat pemindahan yang telah ditetapkan untuk kawasan mereka. Maksudnya setiap penduduk, setiap KADUN, ataupun setiap kawasan sudah tahu, dan di luar sekolah ataupun di luar balai tersebut ada papan tanda yang menyatakan pusat pemindahan sekian untuk kawasan mana. Maka bila ada apa-apa amaran bencana penduduk sendiri tahu pergi dan membawa orang tua. Tambahan lagi saya ingin berkongsi bahawa semalam saya cuba menyediakan makanan untuk Kampung Bagan Jermal tetapi sebenarnya kita menghadapi cabaran kerana banyak tempat menjual makanan, pekerja mereka sendiri tidak dapat pergi ke kerja ataupun tempat menjual makanan tersebut kena menyediakan untuk kawasan lain. Jadi banyak tempat menjual makanan tak boleh menampung bilangan *order* yang mereka kena buat tersebut. Maka walaupun mesra hati kita nampak ada orang gotong-royong menyediakan makanan tapi tidak efisien. Jika kita bergantung kepada orang luar, orang awam untuk menderma makanan, kadang-kala ada *over lapping*. Orang luar pun tak pasti di mana nak membawa makanan tersebut dan ada pusat ada terlebih, dan ada pusat ada kawasan yang kurang. Maka saya cadangkan bahawa selain daripada tempat pemindahan yang telah pun dikenal pasti dan ditetapkan, ada juga dapur-dapur yang dikenal pasti dan telah pun ditetapkan bersama dengan senarai sukarelawan jurumasak. Maka kita sudah tahu ada satu senarai kita boleh *last out*, panggil mereka, kita perlukan orang untuk masak di sini dapurnya dan tempat-tempat tertentu. Logistik edaran daripada dapur, daripada tempat pengumpulan derma semua itu boleh juga dikenal pasti dan ditetapkan tidak perlu digubal pada masa bencana.

Walaupun kebanyakan penduduk yang dipindah ke tempat pemindahan, akhirnya mereka boleh balik ke rumah mereka masing-masing. Tetapi saya percaya ramai juga yang ada kehilangan rumah ataupun tidak begitu cepat rumah mereka boleh dikembalikan. Saya rasa di Negeri Pulau Pinang tidak boleh dinafikan bahawa kita memerlukan lebih banyak unit perumahan kecemasan. Selain daripada peningkatan unit perumahan kecemasan saya rasa distribusi lokasi unit perumahan kecemasan ini juga perlu diteliti. Ini adalah kerana sekurang-kurangnya bagi kawasan Bukit Bendera saya nampak bencana biasanya lebih memberi impak kepada mereka yang kurang berkemampuan. Mereka yang lebih mampu, rumah lebih kukuh. Mereka yang kurang mampu, kalau ada kebakaran, kalau ada banjir, mereka lah yang lebih banyak terasa. Namun, golongan yang lebih terasa ini ramai antara mereka mungkin contohnya kerja penjaja. Kerja penjaja maksudnya jika mereka tinggal jauh daripada tempat penjaja

mereka, tempat mereka menjual barang, maka mungkin ada masalah logistik, gerai mereka nak masak makanan dan sebagainya.

Tambahan lagi ada yang menggunakan pengguna bas sahaja, ataupun satu keluarga lima (5) orang tapi kongsi satu motosikal. Mereka yang kurang mampu bagi mereka jarak lokasi tempat tinggal, lokasi tempat pendapatan mereka adalah amat penting. Maka saya ingin mencadangkan mungkin jabatan perumahan boleh menelitikan antara rumah-rumah mampu milik yang RM42,000, RM72,000 tersebut, yang baru dibina, mungkin ada beberapa unit yang boleh diketepikan sebagai unit bencana agar distribusi lokasi unit bencana ini lebih luas di negeri dan bukan tertumpu di George Town ataupun di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Kalau orang daripada Tanjung Tokong pindah ke George Town memang sumber pendapatan mereka akan amat terjejas.

Tambahan lagi saya seorang wakil rakyat daripada Pejabat Daerah Timur Laut. Namun setahu saya ramai antara pekerja Pejabat Daerah Timur Laut tinggal di sebelah Seberang Perai. Semasa musim raya perayaan Hari Raya, saya pun kerap buat jamuan raya di kuarters-kuarters untuk pekerja DTL. Namun saya rasa di DTL kurang tempat tinggal untuk pegawai Pejabat Daerah. Saya memohon kepada pihak kerajaan agar sekurang-kurangnya ke semua Penghulu Daerah Timur Laut boleh tinggal di sebelah Pulau, diberi tempat tinggal di sebelah Pulau dan bukan tempat tinggal yang sesuai untuk seorang diri sahaja, mereka yang sudah berumahtangga, ada anak, ada isteri pun boleh hidup dengan selesa bawa anak mereka hidup selesa di Daerah Timur Laut. Saya bagi contoh baru-baru ini saya ada menguruskan bencana di Ladang Hong Seng dan juga di tempat di kawasan Pulau Tikus, Penghulu, Timbalan Penghulu, Puan Syamim amat efisien dan boleh dihubungi dengan cepat melalui telefon. Penghulu Afnan yang menjaga Ladang Hong Seng dia pun senang. Kalau waktu malam, kasihan dia, 10.00 malam 12.00 malam kalau perlu dia pun kena balik, pun kena datang daripada Seberang Perai. Semasa bencana ada kesesakan lalu lintas dia pun kena datang. Namun Penghulu saya, Penghulu Asri yang menjaga Pulau Tikus, semasa banjir dia tidak boleh datang langsung kerana motosikal dia rosak. So dia tinggal di Seberang Perai, motosikal dia rosak dia tak datang langsung. Ada bencana kebakaran banyak kali Penghulu Asri tak datang daripada Seberang Perai sebab sudah lewat malam. Jadi saya rasa ini memberi impak yang amat besar kepada wakil rakyat di Daerah Timur Laut dan saya harap diberi penekanan daripada pihak kerajaan.

Semasa bencana kita juga bergantung kepada anggota-anggota seperti Bomba. Pandangan saya, Bomba adalah yang paling penting sekali. Namun peralatan mereka tidak mencukupi. Pengalaman saya semasa bencana ini kita kekurangan pam kerana ada situasi di mana memerlukan banyak pam, dan semasa bencana seluruh negeri masing-masing Bomba pun sibuk. Maka Bomba daripada Bagan Jermal perlu sendiri pergi ambil masa sesak jalan ke Paya Terubong, sesak jalan ke Lebu Pantai, lepas tu sesak jalan balik ke Pulau Tikus mengambil dua (2) jam.

Maka saya rasa memandangkan sepanjang tahun sebenarnya kita begitu banyak memerlukan perkhidmatan daripada Bomba sama ada *chainsaw*, pam, dan sebagainya, bolehkah Kerajaan Negeri mempertimbangkan memberi peruntukan tahunan kepada Bomba agar mereka boleh membeli peralatan-peralatan penting yang diperlukan tersebut dan juga sebagai penghargaan kepada jasa mereka.

Saya juga ingin yang terakhir, saya ingin mencadangkan agar Pihak Berkuasa Tempatan ataupun JKR memperbanyakkan papan tanda elektronik di negeri kerana agar penduduk kita tak perlu sampai ke tempat sesak jalan, sampai langsung tidak boleh bergerak, baru mereka tahu ada masalah di hadapan. Jauh sebelum itu sudah perlu ada papan tanda elektronik. Jika semasa banjir, semasa bencana seluruh negeri, cadangan saya di serata negeri kita boleh lihat papan tanda yang elektronik akan memaklumkan situasi sama ada hujan datang lagi ke malam ini? Ada ribut taufan ke? Di mana sesak jalan ke? Semua ini boleh dengan efektif dimaklumkan melalui papan tanda elektronik dan akhirnya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada antaranya bagi saya Pejabat Daerah, pihak Bomba, pihak JKM, MBPP dan semua agensi-agensi yang telah banyak membantu. Tanpa komitmen pegawai ke semua lapisan, tidak mungkin kita boleh menangani bencana ini. Sekian terima kasih.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Terima kasih, saya sila YB. Tanjung Bunga.

#### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya terlebih dahulu terima kasih kepada YB. Padang Kota membentangkan usul ini, dan saya juga mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa-mangsa dalam bencana banjir kilat ini dan kena juga terima kasih kepada semua agensi yang mengambil bahagian dalam penyelamatan dalam banjir kilat ini termasuk NGO-NGO dan JKKK



Tempatan dan juga penduduk-penduduk di kampung terutama bersama-sama penduduk kampung Tanjung Bunga uruskan sedikit sebanyak dalam bencana.

Jadi YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya setuju dengan usul ini bahawa kita harus meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan alam sekitar dan mementingkan keupayaan untuk menghadapi sebarang bencana dan usul ini kita harus fikir ada tiga (3) bahagian. Kita kena pastikan usul ini mementingkan hakikatnya iaitu bencana, kalau kita balik *go backward*, pembangunan atau sebab-sebab menyebabkan banjir dan kalau kita *go backward* dan adalah satu *planning*. Itu saya fikir saya tak perlu debat dalam usul ini dan kita cuma tumpukan perhatian kepada usul supaya bagaimana kita hadapi sebarang bencana yang akan datang, supaya kita boleh mengadakan satu sistem yang lebih baik untuk menyelamatkan harta benda atau manusia yang menghadapi bencana dan penjelasannya. Saya fikir dalam sistem penyelamatan dan penyelarasan bencana memang ada kelemahan dari beberapa segi, saya cadang sini kalau boleh Kerajaan Negeri percepatkan tubuhnya jabatan *big data* supaya semua maklumat yang berkemungkinan boleh dikumpulkan dan dianalisiskan dan satu *prediction*....(dengan izin) boleh diramalkan supaya satu bencana boleh dielakkan atau boleh di *handle* dengan lebih sempurna kerana kita tahu kita ada banyak *hotspot-hotspot* banjir kilat dan juga *hotspot* tanah runtuh bila kita, kalau faham tentang perubahan iklim yang akan mengancamkan kita, kalau kita ada semua matlamat ini dengan tepat misalnya ramalan cuaca kalau kita boleh mengikuti ramalan cuaca daripada semua pihak termasuk *meteorology department*.

India negara yang berjiranan mereka ada informasi di mana ramalan cuaca boleh kongsi, jadi kalau agak sistem itu kita mungkin dapat mengelakkan meramalkan apa yang akan terjadi, dan saya harap juga bukan sahaja bencana macam ini banjir kilat yang kita akan tumpukan pada masa depan sistem penyelamatan dan penyelarasan bencana ini haruslah mengkaji atau berkemungkinannya di pengaruhi gempa bumi juga, tsunami kerana kita pernah hadapi tsunami, gempa bumi memang belum lagi tapi dia juga akan berlaku tak lama lagi kalau kita tak hati-hati, kita juga tak akan hadapi bencana sebegini ini.

Dan berbalik kepada banjir kilat ini saya fikir dengan adanya begitu banyak *hotspot-hotspot* banjir kilat kita tau, satu-satunya faktor masalah adalah sistem perparitan. Misalnya di kawasan saya Taman Seri Setia dan Taman Permai Jaya, dua-dua taman ini di bawah bukit seharusnya tak ada banjir kilat dalam 50 tahun yang lalu tetapi hari itu berlakunya banjir kilat dan 2 blok, 3 blok di bawah kos rendah dibanjiri sampai dada. Banyak harta benda termasuk kereta rosak dan banyak kerumitan sudah dihadapi mereka. Jadi saya fikir mungkin satu sistem SOP supaya penyelarasan atau pengagihan bantuan boleh disegerakan dan bila agensi-agensi yang dalam Jawatankuasa Bencana ini mungkin mereka tidak ada cukup jentera, penduduk-penduduk sendiri kena potong pokok sendiri. Kadang-kadang dengan pisau sahaja atau guna kapak tetapi datangnya seorang sukarelawan dia bawa *sawchain* kemudian pokok yang tumbang boleh diselesaikan dengan cepat. Maksud saya semua alat-alat ini haruslah disampaikan kepada JKKK atau sukarelawan yang selalu boleh membantu. Kalau di ambil mereka dalam sistem bencana dan satu SOP diadakan mungkin lebih cepat, lebih berkesan bila menjalankan *emergency rescue* sementara menunggu agensi lain misalnya Bomba atau JKR untuk menyelamatkan sesuatu kawasan. Misalnya pokok tumbang di Jalan Batu Feringghi jadi Bomba tidak dapat datang dari Teluk Bahang atau dari Tanjung Tokong dan penduduk sendiri, yang penting JKKK mesti mempertingkatkan sistem penyelamatan sebegini terutamanya bencana supaya mereka boleh memainkan peranan yang lebih efisien dan bila datangnya NGO atau sukarelawan misalnya di tempat saya macam JCI ataupun dari pihak-pihak sekolah, *International School* juga beri bantuan.

Jadi ini semua kita harus mendapatkan maklumat mereka dan senaraikan mereka dalam *stanby power resources* bila berlakunya bencana. Kita boleh juga dapatkan bantuan daripada mereka pada masa yang penting, pada masa yang singkat sebelum jentera atau Bomba atau agensi yang berkaliber datang. Ini adalah penting, jadi saya harap sedikit sebanyak ini dapat membantu Kerajaan Negeri mempertingkatkan sistem penyelamatan dan penyelarasan bencana. Sekian, terima kasih.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Tanjong Bunga. Silakan YB. Berapit.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Memandangkan *Global Warmer* yang semakin hari semakin teruk pada zaman sekarang hujan tidak akan kurang. Tahun 1990-an penoreh getah dapat menoreh getah 10 bulan dalam setahun tetapi selepas tsunami 24 Disember 2004, penoreh getah hanya dapat menoreh getah 8 hingga 9 bulan setahun tetapi sampai hari ini penoreh getah hanya dapat menoreh getah 6 bulan dalam setahun disebabkan hujan yang berturut-turut. Sebab itu, pada 5

November, Sabtu itu, 4 November 2017 kita tidak pernah menghadapi ribut taufan atau hujan lebat sebegitu kuat yang boleh dikatakan taufan yang berlaku di Taiwan atau di *Japan* dan kita tidak bersedia. Selepas tsunami, Pulau Pinang dilanda tsunami dengan terkorbananya nyawa yang begitu banyak tetapi sampai hari ini saya tidak nampak SOP kita menghadapi bencana alam dengan sempurna. Disebabkan itu pada hari Sabtu, kita menghadapi *experience* yang begitu teruk sekali tetapi saya bersyukur kepada tuhan kerana Berapit tidak begitu serius. Dari tahun 2008 sampai hari ini saya membantah perumahan atau pembangunan di dalam perumahan yang begitu pesat di bawah bukit.

Di Alma, YB. Machang Bubuk sudah *experience* banyak kali banjir kilat disebabkan pembangunan pesat yang tidak plan tidak tengok *big plan but approve pocket plan*. Itu Kerajaan Negeri perlu mengambil berat dan meneliti apa yang akan dibuat pada masa hadapan dan soalan lisan saya nombor 40 sebelum apa yang berlaku pada hari Sabtu, saya sudah tanya *Standard Operating Procedur* (SOP) Kerajaan Negeri dalam mekanisme bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh, ribut dan sebagainya belum dapat jawapan sudah terjadinya bencana alam pada hari Sabtu. Saya harap Kerajaan Negeri betul-betul berikhtiar menghadapi masa hadapan apa-apa perancangan perumahan atau pembangunan kita akan hadapi *badside effect* nya dan menaik taraf infrastruktur lambat daripada pembangunan. Ini adalah masalah di Pulau Pinang. George Town perparitan kita ambil berapa tahun untuk meneliti perparitan di George Town dan menaik taraf belum lagi tetapi pembangunan di sekelilingnya sudah pesat dan kita akan menghadapi masalah jikalau bencana alam berlaku lagi dan kita tidak dapat mengelak bencana alam berlaku lagi disebabkan *global warmer*.

Cadangan saya kepada Kerajaan Negeri, secepat mungkin *preparation* untuk mekanisme untuk menghadapi bencana alam. *Increase budget* untuk semua KADUN, *preparation for mechanism man power* yang kita hadapi pada hari Sabtu yang tidak mencukupi. Di KADUN saya, semua JKKK disediakan gergaji, parang, mesin potong rumput pada tahun 2008 sampai hari ini. Bila pokok tumbang di kawasan saya hari Sabtu dan Ahad, MPSP tidak dapat datang sebab terlalu sibuk. MPSP *squad*, saya kesian mereka sebab kakitangan mereka tidak cukup tetapi JKKK saya turun padang potong pokok, dahan-dahan pokok di tepi jalan. MPSP tidak sempat datang bersihkan lagi. Kawasan saya *hot spot* tanah runtuh di Taman Sentosa, Taman Iping Indah, saya sudah turun padang tengok sudah tanah runtuh sampai rumah di *corner lot*. Saya harap Kerajaan Negeri semua jabatan berkenaan sila ambil tindakan yang secepat mungkin jangan *skip*, jangan beritahu saya ini sedikit sahaja sebab awal tahun saya pernah email kepada Kerajaan Negeri mengenai Taman Sentosa ada tanah runtuh ada air tanah turun daripada bukit Taman Sentosa. Tiada tindakan yang diambil sampai hari ini dan *that's why* satu hujan lebat tanah runtuh sudah masuk ke rumah dah dan batu nampaknya sudah mahu jatuh. *I hope* Kerajaan Negeri, A.S.A.P ambil tindakan di kawasan Berapit *hot spot* kawasan tanah runtuh di kawasan Berapit. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua NGO dan orang awam yang sudi menolong Kerajaan Negeri menghadapi bencana alam yang kita tidak pernah menghadapi pada 4 November 2017 dan saya berharap semua orang jangan tunjuk jari kepada sesiapa pun, kita sama-sama membersihkan Pulau Pinang, membangunkan Pulau Pinang sekali, kerjasama daripada Kerajaan Pusat, kerjasama daripada barisan pembangkang diperlukan, semua rakyat di Pulau Pinang kita menghadapi bencana alam yang kita tidak sangka dan saya berharap di masa hadapan kalau berlaku lagi bencana kita bersedia untuk menghadapinya. Terima kasih.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Berapit. Silakan YB. KOMTAR.

#### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, pagi ini saya berdiri untuk menyokong usul tergepar yang dibangkitkan oleh YB. Padang Kota. Bagi penduduk-penduduk di kawasan KOMTAR jarang-jarang kami menghadapi banjir yang begitu serius. Jadi semasa pada 4 dan 5 November 2017 saya ingat rakyat penduduk di KOMTAR tidak sempat menyelamatkan harta benda, kenderaan mereka dan terpaksa mengalami kerugian yang banyak. Di sini saya ingin meminta maaf kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan saya kerana pada masa itu saya tidak dapat bersama-sama mereka menghadapi banjir. Saya menjalani satu pembedahan kecil di Hospital Besar Pulau Pinang. Saya terpaksa tinggal di hospital 1 malam 2 hari. Pada malam itu angin memang kencang. Pada malam itu tidak dapat saya tidur dengan lena, angin memang kuat, sakit juga. Beberapa jam itu jadi lebih panjang di sana.

Semasa di hospital saya hanya boleh bergantung telefon bimbit untuk mendapatkan info-info terkini di kawasan dan tentang banjir kilat di Pulau Pinang. Saya juga terima beberapa panggilan daripada mangsa-mangsa banjir di kawasan saya untuk mendapatkan bantuan. Di sini saya ingin merakamkan

ucapan terima kasih kepada Pembantu Khas saya, JKKK KADUN KOMTAR kerana semasa saya tidak dapat turun ke padang mereka membantu saya turun ke padang menghantar makanan, menghantar bantuan-bantuan di kawasan banjir.

Di sini saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan perlu mengadakan satu talian *hotline* bencana semasa Bilik Gerakan Jawatankuasa Bencana Negeri mula operasi. Sekarang kami memang banyak bergantung kepada WhatsApp, facebook tetapi dalam WhatsApp dan facebook mungkin ada berita-berita palsu atau berita yang tidak dikenal pasti. Oleh itu banyak orang yang *send* kepada ADUN wakil rakyat untuk kenal pasti adakah berita itu betul atau palsu. Jadi kami juga terpaksa tanya jabatan, tanya EXCO dan maklum balik. Jadi jika ada satu talian *hotline* bencana rakyat boleh mendapatkan maklumat yang tepat daripada talian bencana dan juga boleh dapat bantuan daripada talian bencana. Di sini saya juga mengharapkan Kerajaan Negeri boleh mengumumkan satu bantuan khas untuk membantu mangsa-mangsa yang menghadapi, yang terjejas dalam banjir kilat kali ini. Dengan ini saya menyokong usul.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. KOMTAR. Silakan YB. Padang Lalang.

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberitahu kawasan saya yang di mana banyak taman dan kampung telah ditenggelami air pada dua (2) hari yang lalu. Saya rasa kali ini adalah banjir yang luar biasa kerana pada 15 September 2017, kita mengangapkan itu adalah satu banjir yang paling serius tetapi kali ini lebih serius untuk kawasan saya, ia lebih serius daripada 15 September 2017 kerana pada 15 September Taman Sri Rambai Fasa 2, 3, 4, Taman Mangkuk dan juga Taman Sungai Rambai. Taman-taman ini yang telah kita laksanakan projek-projek tembatan banjir, tidak banjir. Tetapi kali ini semua tempat ini banjir dengan teruk. Semuanya, semua penduduk perlu dikeluarkan. Air setinggi saya rasa 4 kaki di Taman Sri Rambai Fasa 1,2, dan 3. Dan juga Taman Mangkuk, air masuk rumah sampai tiga (3) kaki. Saya rasa ini adalah satu banjir yang luar biasa dan saya nak tahu juga apakah sebabnya? Saya rasa kerana itu air hujan yang luar biasalah. Jadi juga banjir yang selalu banjir ialah Taman Desa Damai, Kampung Baru Alma, Bukit Kecil. Dan kali ini separuh Taman Kota Permai juga dibanjiri. Jadi saya rasa lebih daripada 50% kawasan saya dibanjiri. Pada 4 haribulan sampai semalam saya rasa ramai pegawai termasuk Penghulu, Pegawai Daerah, YDP, Setiausaha di MPSP dan juga beberapa banyak pegawai khususnya pegawai ataupun pegawai-pegawai Bomba dan Bomba Sukarela. Mereka tak tidur *from fourth midnight*, pukul 10.00, 4 haribulan sampai pagi tak tidur untuk *rescue* mereka yang di dalam taman-taman ini.

Saya lihat bahawa banyak pegawai ataupun jabatan-jabatan mereka sangat komited tetapi kita punya *emergency respond capacity* tidak cukup. Peralatan tidak cukup. Tapi dia dibantu oleh banyak NGO dan juga komuniti. Umpamanya saya nak mengucapkan banyak terima kasih kepada Tzu Chi, kepada One Hope Foundation, kepada Khor Wang San, kepada Penang Port dan juga orang ramai. Bomba Sukarela and Red Crescent mereka telah menghantar pegawai-pegawai. Tzu Chi yang sangat sistematik, sangat-sangat pakar dalam bantuan seperti ini, telah bantuan yang mereka bagi adalah tidak sama. Mereka masuk, mereka hantar orang dan mereka boleh *organize the space*, *organize* dewan dan bersihkan dan sediakan tempat itu sehingga dia lebih selesa dan ada *privacy*, mereka cuci tandas juga. Saya rasa itu adalah sangat penting.

Pada peringkat sekarang, pada peringkat sekarang ramai penduduk yang terlibat mereka adalah mereka sangat risau tentang bagaimana nak bersihkan rumah mereka dan saya agaknya ada beribu-ribuan rumah yang perlu dibersihkan. Jadi di sini saya cuba, saya cuba *organize* dengan NGO seperti Tzu Chi dan sesiapa yang ingin memberi bantuan untuk membersihkan rumah-rumah mangsa ini akan didaftar dan mereka perlu di *organize* dan dihantar kepada kawasan-kawasan atau rumah-rumah yang *specific*.

Umpamanya saya lihat didalam taman-taman ini umpamanya Taman Seri Rambai dia ada *quite a lot* rumah dia hanya ada orang tua sahaja. Dia anak-anaknya kerja diluar, seorang ibu dia ada ibu, seorang ibu dia ada seorang pembantu. Anak perempuannya di Hong Kong. Jadi mereka *video chat* dan sangat risau. Keluarga-keluarga seperti ini saya rasa kita harus bantu untuk bersihkan dan ada yang sangat risau keretanya di dalam air. Dan semua *furniture* sudah habislah. Jadi mereka risau macam mana nak *re-start* kehidupan mereka. Saya rasa kita boleh *organize*, kita boleh *organize* supaya berunding dengan bengkel-bengkel *repair* kereta supaya memberi *special offer* seperti *grab car*, *grab car* pun *reduce* dia punya *fees* untuk mereka yang terlibat. Jadi saya harap juga bengkel-bengkel *repair car* boleh memberi *special offer* atau *discount* ataupun memudahkan bayaran mungkin boleh bayar ansuran

tiap-tiap bulan.

Sekarang juga mereka yang duduk di *relief center* dia ada risau macam mana nak balik rumah. Bolehkah sediakan kenderaan supaya boleh hantar balik rumah? Saya jangka, saya jangka adanya perlu terus tinggal di *relief center* kerana rumah mereka memerlukan masa untuk di sediakan balik umpamanya dibersihkan balik di berikan semua perabot saya rasa dia perlukan walaupun air sudah surut mungkin ada 2, 3 hari lagi dia perlukan *relief center* ini. Jadi mungkin kita boleh *organize* kenderaan supaya mereka boleh pergi balik ke rumah dan apabila mereka pada waktu malam boleh balik ke *relief center* untuk tidur. Ada *small businessman* mereka ada satu kedai kecil ya. Tapi sekarang semua peralatan dibanjiri, mungkin akan ambil masa untuk kembali *businessnya*. Jadi saya rasa kita boleh fikir macam mana boleh membantu mereka untuk kembali ke *business* mereka.

Sekarang yang kawasan-kawasan di tenggelami air ini sudah tiada orang. Semua sudah dikeluarkan saya rasa ada perlunya kita kawalkan kawasan itu demi barang-barang tidak di curi, *security* di kawasan itu. Saya juga nak mengucapkan banyak terima kasih kepada ramai sukarelawan. Mereka telah bekerja sama dengan pihak Bomba untuk keluarkan *exam paper* kerana SMJK Jit Sin sebenarnya tempat untuk mengambil *Exam* SPM kerana banjir jadi dia telah ditukar kepada Jit Sin Independence School banyak *paper* juga dapat dipindah keluar. Dalam dua hari ini apabila memindah orang didapati ada seorang yang paling muda sekali ialah *ten days old baby* yang mak dalam *confinement* macam mana nak keluar. Itu satu cabaran ambil-ambil dua (2) kerusi tukar, tukar supaya dia boleh keluar. Tak jatuh supaya dia tak masuk air, jadi kerusi dia *walk on the* kerusi. Dan yang tertua punya ialah umurnya 100 tahun, seorang wanita.

Jadi dalam pengalaman ini saya sangat saya rasa tersentuh hati juga ramai yang datang membantu banyak yang nak bantu, tapi ada orang tanya apa lagi yang mahu. Pagi ini saya minta supaya bekalkan kopi 'o' panas. Kerana di *relief center* ini ramainya ada orang tua-tua dan mereka sakit juga, adalah perlu minuman yang panas, sudah 2, 3 hari tak minum kopi 'o' panas, saya rasa mereka akan rindu. Jadi sesiapa yang boleh bagilah kopi 'o' panas. Sekian terima kasih, saya sokong usul ini.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :**

Terima kasih YB. Padang Lalang saya minta YB. Bukit Tengah kalau boleh bahas yang bukan berulang-ulang. Hujah-hujah yang samalah. Sila Bukit Tengah,

#### **Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan usul tergepar yang dibawa oleh YB. Padang Kota. Kawasan saya di sebelah Kawasan Padang Lalang dan menurut satu sungai yang melalui dua (2) kawasan dari Padang Lalang ke Bukit Tengah. Jadi kawasan saya juga banyak yang ditenggelami air dan kalau yang kawasan yang paling serius aras air dia sehingga ke paras dada.

Okey, jadi dan saya sendiri pun ada semasa pemindahan mangsa ke pusat pemindahan. Saya sendiri juga masuk ke kawasan banjir, di mana masa tu masih di paras pinggang. Dan memandangkan terlalu banyak kawasan ditenggelami air di dalam kawasan Bukit Tengah dan memang saya tak dapat melawat setiap kawasan banjir. Di sini saya ingin memohon maaf kepada mangsa-mangsa yang belum sempat saya lawat dalam dua hari sebelum ni. Dan saya akan cuba melawat mereka selepas ini.

Di sini saya juga ingin merakamkan penghargaan saya dan ribuan terima kasih kepada Agensi Kerajaan, Pasukan Penyelamat, Pasukan Bomba Sukarela, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), JKKK, Sukarelawan *individuals* yang telah banyak membantu dalam proses menyelamatkan mangsa dan juga menderma bahan-bahan keperluan ke pusat pemindahan mangsa-mangsa banjir. Dan saya di sini ingin *highlight*kan satu perkara di mana banyak wakil rakyat atau banyak telah dibahaskan adalah tentang pengurusan bencana ini dan saya ingin *highlight* satu aspek pengurusan bencana iaitu bukan saja pengurusan bencana itu kita tamat apabila mangsa-mangsa itu telah balik ke rumah masing-masing tetapi dia juga perlu dilanjutkan di mana seperti yang disebut oleh YB. Padang Lalang tadi pembersihan rumah dan sebagainya malahan mungkin ada mangsa-mangsa yang mengalami (dengan izin)....*post dramatic stress disorder*. Jadi perlulah kaunseling dan sebagainya dan saya memohon supaya juga aspek ini dititikberatkan dalam dari segi pengurusan bencana. Dengan ini saya mohon menyokong usul.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Bukit Tengah. EXCO nak bahas.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Ya.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila pendekkan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Ya. Terima kasih Dato' Speaker. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi buat 2, 3 hari ini.

Dato' Speaker, saya pasti semua ADUN-ADUN, Yang Berhormat-Yang Berhormat telah menerima panggilan bantuan dari penduduk-penduduk berkenaan mengenai bantuan dan juga maklumat-maklumat terkini. Di bawah *portfolio* saya di bahagian JKR iaitu Jabatan Kerja Raya, di Pulau Pinang di Pulau sahaja ada 103 tempat berlaku tanah runtuh dan 54 lokasi di mana pokok-pokok telah tumbang. JKR sedang menjalankan pelantikan terus kontraktor-kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja kecemasan dan juga baik pulih tempat-tempat yang ada risiko bahaya.

Buat masa sekarang, Jalan Tun Sardon masih ditutup kepada lalu lintas kerana ada kerja-kerja pembersihan tanah dan juga kerja-kerja pembaikan sedang dijalankan dan Jalan Tun Sardon ini akan dibuka kepada trafik pada 17 haribulan ini. Jalan Paya Terubong telah ditutup sejak kelmarin, dan kerja-kerja pembersihan sedang dijalankan dan akan dibuka pada petang ini pukul 5. Buat masa ini, perkembangan terkini adalah menumpu kepada kawasan-kawasan SPU di mana ada limpahan air sungai dari Sungai Muda dan membanjiri kawasan sekeliling. Di bahagian jalan-jalan, ada banyak jalan di SPU telah ditutup kepada lalu lintas dan saya ada senarai begitu banyak jalan-jalannya, saya tidak akan bacakan. JKR sedang menumpu perhatian mereka untuk mengawal trafik seperti meletak *sign board-sign board* dan juga kalau ada perlu membersihkan runtuhan-runtuhan atau pembaikan kecil, maka JKR akan menjalankan.

Di bahagian tenaga pula, ada banyak pencawang elektrik atau *sub station* telah tenggelam dalam air, maka pihak TNB perlu *shut down* untuk keselamatan dan dikomisen atau dibaik pulih semula selepas air surut dan banyak pokok-pokok yang tumbang yang memutuskan rangkaian kabel-kabel di sepanjang jalan ini pun telah menyebabkan kegagalan bekalan elektrik.

Yang Berusaha Dato' Lim Yew Soon sentiasa mengawal keadaan dan beliau juga mementingkan perkara ini dan beliau ada dalam Dewan untuk memberi apa-apa maklumat terkini dan tempat-tempat yang tidak dapat diberi bekalan dari *genset* dari apa ini itu *PE* atau pencawang elektrik, maka *genset* akan dibekal untuk menjalankan.

Untuk PBA setakat ini, bekalan air masih terkawal dan tidak ada apa-apa masalah besar cuma di *Waterfall Treatment Plant intake* dia telah dirosakkan oleh air bah dan telah ditutup untuk berfungsi tetapi tidak menjejaskan bekalan air kerana air daripada George Town dan juga Tanjung Bunga boleh dialih ke tempat-tempat. Berlaku banyak-banyak aduan mengenai paip pecah akibat mendapan jalan dan runtuhan jalan dan PBA sedang mengambil tindakan untuk membaik pulihnya dalam masa yang tersingkat.

Di Bukit Bendera, GM Mr. Cheok ada di sini, beliau mengatakan kereta Bukit Bendera tergendala kerana ada tumbang pokok atas *rail* dan juga kabel-kabel atau kabel telekomunikasi telah terputus dan kerja-kerja baik pulih sedang dijalankan dan *jeep track* berlaku 15 lokasi tanah runtuh dan JKR sedang membaikpulihnya dan hanya yang dibenarkan jalan dengan kawal rapi oleh JKR.

Penerbangan di *Penang International Airport* pada 4hb bulan itu, kerana hujan lebat dan angin kencang maka ada beberapa *flight* telah dialih ke Pulau Langkawi tetapi masa ini sudah baik pulih.

Di feri pula, ada sebuah feri yang dipukul oleh ombak yang tinggi dan kuat maka ia tersadai di pengkalan. Kelmarin pagi telah ditarik keluar dan hari ini *surveyor* dan juga *inspector vehicle* atau *inspector vessel* akan memeriksanya, sekiranya didapati tiada kerosakan maka ia boleh dikomisen semula. Itu sahaja saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucap terima kasih kepada semua pegawai-pegawai tinggi dan juga semua-semua pengarah-pengarah yang ambil berat tentang memberi kerja-kerja baikpulihan kepada utiliti-utiliti. Sekian. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Bagan Jermal. Sila, saya rasa satu lagi saya minta YB. Bayan Lepas.

### **Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam sejahtera. YB. Dato' Yang di-Pertua, Ketua-Ketua Jabatan, semua Ahli-Ahli Dewan. Saya terima kasih diberi kesempatan untuk sama-sama membahar usul daripada YB. Padang Kota dan saya ucapkan tahniah usul ini dan saya cuma hendak mencadangkan beberapa perkara kerana pengalaman saya bersama-sama dengan orang awam, panik.

Jadi yang utamanya adalah ramai, rata-rata menyatakan amaran. Amaran awal ini kena ada. Wajib diadakan di kampung-kampung yang utamanya untuk orang kampung kerana hari ini kalau kata kita keluar pun mereka tidak keluar. Terutamanya minta bantuan Polis lah untuk menggunakan *radio carnya* itu untuk buat pengumuman minta dia orang keluar. Kalau tidak dia orang tidak keluar, kalau dekat Ketua Kampung, Pengerusi JKKK beritahu, dia tidak keluar walaupun air telah naik. Ini satu lah yang mungkin tidak pernah rasa takut dengan keadaan ini dan pengalaman saya pada masa 4hb itu adalah pukul 5 petang saya berada di Giant, masa itu air tengah naik di depan dengan Hospital Pantai itu dan memang satu air yang memang yang telah cepatlah.

Jadi pengalaman saya, saya tengok kita tidak ada amaran di semua *supermarket-supermarket* ini kerana ramai yang sibuk untuk membeli belah, jadi dia tidak sedar kereta-kereta dia telah pun mula dinaiki air. Cuma ada satulah hamba Allah di luar, orang awam datang berlari bagitau cepat ubah kereta dan sebagainya. Jadi sepatutnya sama ada kerana mungkin dia tidak pernah menggunakan pengalamannya untuk meminta tolong kepada yang pembesar suara menggunakan pembesar suara di *supermarket* itu, jadi dia terpaksa berlari bagitau kepada orang seorang-seorang. Jadi kita nasib baiklah saya ada kita minta tolong kata supaya menggunakan pembesar suara di *supermarket*.

Jadi sebab itu di *supermarket* ini kena ada amaran, siren dan sebagainya bila keluar sahaja air dah naik jadi semua panik. Jadi kita haraplah pihak Polis kerana ini baru pertama kali berlaku banjir di kawasan kita telahpun mengenalpasti kawasan-kawasan, jalan-jalan utama yang selalu akan berlaku kesesakan misalnya di Bayan Baru, di kawasan Relau. Jadi kita punya sistem *traffic light* juga sistem berpusat jadi supaya pada masa itu boleh menggunakan jalan-jalan lampu isyarat ini boleh digunakan dalam kaedah yang tertentu bagi memberi laluan kerana waktu panik ini semua orang kalut nak balik. Jadi kita tidak ada satu sistem, jadi haraplah supaya bila berlaku sahaja bencana ini pihak Polis terutama Polis trafiklah akan memainkan peranan yang utama untuk membantu orang ramai yang telah panik jadi bila air telah naik masing-masing berebut nak balik.

Saya nak balik ke Bayan Lepas makan masa 4 jam terpaksa turun minta tolong bagi laluan dan sebagainya dan juga saya lihat sepanjang yang saya lalu itu adalah sampai-sampai dekat dengan sungai di Sungai Ara itu, sungai itu masih lagi sungai yang tidak *diupgrade* itu, dan saya pun tertanya-tanya sebab sungai itu duduk ditengah-tengah antara Bayan Lepas dan kawasan Timur Laut. Jadi patut sungai itu *diupgradekan* supaya tetapi kebanyakan semua parit-parit hanya menggunakan parit-parit yang kita bina semula. Tetapi sungai utama itu masih lagi air yang tidak banyak, jadi kita harap benda itu JPS boleh melihat apa sebabnya jadi supaya semua aliran yang ada di parit itu terus dialir terus ke sungai-sungai ini. Jadi sungai, Sungai Ara itu harus *diupgrade* semulalah jangan dibiarkan parit itu sebagai parit tanah sungai. Dulu ada sungai utama, sungai Sungai Ara itu. Tetapi setelah pembangunan naik, maka ada kita *upgradekan* semua parit-parit ditepi jalan ini, maka menyebabkan sungai utama itu tidak *diupgradekan*, jadi saya haraplah benda itu akan diambil perhatian kerana sungai ini ia akan terus alirkan sampai ke sungai Bayan Lepas.

Dan kita juga berharaplah kuala-kuala, kuala-kuala sungai ini akan pihak JPS melihat sekali terutamanya di kawasan sungai saya, sungai Telok Kumbar ini, walaupun dahulu ada peruntukan yang akan dijanji nak bagi tetapi sekarang ini diberhentikan. Saya nak minta supaya pintu kuala itu memang kena buka sama ada pecah terus atau macam mana, tetapi kena buka kerana aliran air itu memang lambatlah. Saya juga kelmarin sempat pergi ke kawasan Telok Bahang, tengok kawasan Pulau Betong jadi pintu yang seluas tiga (3) kaki tidak mampu untuk mengeluarkan air yang cepatlah. Jadi saya ingat kawasan YB. Farid mungkin masih lagi takungan air kerana air awal itu hanyalah di kawasan takungan air di bahagian-bahagian yang tepi pantai sahaja yang keluar dahulu tetapi air selut tidak keluar lagi. Jadi saya haraplah JPS dan juga sama ada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri harus melipat gandakan peruntukan untuk melihat benda-benda ini.

Jadi yang keduanya kita dapati bahawa terdapat lebih kurang 32 agensi dalam Jawatankuasa Bencana Alam Negeri, tetapi kalau semua agensi ini mengeluarkan satu kenderaan, ada 30 kenderaan di tiap-tiap pusat pemindahan. Ya, tetapi tidak ada. Di kawasan saya kalau sekiranya berlaku banjir yang

tidak dikawal ataupun masih terus hujan lebat, mungkin ada yang meninggal kerana kita tidak ada kemudahan pengangkutan untuk hendak memindahkan mangsa-mangsa ini dah panik, air hendak keluar pun tidak boleh. Dia sendiri hendak keluar pun tidak boleh dari kawasan air tengah naik pun tidak boleh. Kita tidak ada *transport*, pihak JPAM pun tidak mampu kerana tidak ada kemudahan pengangkutan. Jadi kita haraplah dipertingkatkan sistem pengangkutan kita ini, sama ada pihak agensi-agensi yang tidak terlibat secara langsung tetapi boleh beri bantuan kemudahan pengangkutan jadi boleh berilah, kerana inilah menyebabkan ada yang kesejukan dan mungkin boleh meninggal dunia. Jadi saya berharaplah benda ini dapat kita lihat, dan kita dah ada pengalaman, jadi semua agensi-agensi ini akan terus.

Yang kedua, pusat-pusat seperti ada tadi disentuh oleh sahabat-sahabat saya, maka pusat pembinaan banjir ini juga mesti ditetapkan dan boleh dimaklumkan kepada semua ADUN-ADUN dan jangan ada yang tempat saya asalnya di dewan masyarakat Perda, tetapi diubah kepada sekolah. Kita tahu sekolah ini, esok hari ini telah mula SPM tetapi dewannya tidak dapat digunakan terpaksa guna bilik darjah. Dan orang yang kita bawa ini adalah warga-warga emas, bagaimana dia hendak naik ke tingkat atas sedangkan tadi dia dah bertungkus lumus dengan air, dia dah penat dan sebagainya. Jadi saya haraplah DO Barat Daya dapat melihat balik benda ini supaya kita dapat supaya orang yang kita bawa ke pusat-pusat ini dia terus dapat berehat dengan selesa, tidak ada lagilah dia nak naik tangga dan sebagainya. Begitu juga dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, mohonlah bantuan lebih selimut dan sebagainya, jangan ada yang tidur atas lengan, tidak ada selimut dan sebagainya.

Jadi tempat-tempat yang kita nak pindah ini mestilah ada tempat masak, kemudahan memasak kerana dewan orang ramai ada kemudahan memasak, tetapi di sekolah tidak bolehlah nak masak. Bagaimana NGO-NGO yang hendak bantu ini nak tolong masak macam tadi kata mesti akan sedia kopi 'o', jadi di situ kita mesti masak air panas. Jadi baru ada kemudahan. Tetapi kalau di sekolah tidak ada, jadi kita lihat supaya carilah tempat yang selesa yang ada surau dan sebagainya. Jadi, kita berharaplah. Kita telah ada pengalaman yang pertama ini, supaya tidak akan berlaku lagi kekurangan pada masa-masa akan datang maka sama ada agensi pusat ataupun agensi negeri mestilah mempertingkatkan keupayaan ini supaya kita berada dalam keadaan yang tidak panik.

1Jadi saya juga ucap terima kasih kepada semua agensi yang telah membantu di kawasan saya begitu juga dengan NGO-NGO seperti *Lion Club*, *Buddhist Associate* dan sebagainya yang telah sama-sama. Cuma hendak peringat dekat Bomba dan Sukarela. Bomba dan Sukarela janganlah masuk kawasan-kawasan yang perlu bantuan bawa tangki air saja, bawa lori tangki air saja kerana masa itu bukan kebakaran. Bawalah lori kosong supaya ada orang lain yang boleh tumpang naik tapi ini bila kita tahan dia kata tidak boleh. Dia bawa tangki air, bukan kita hendak bakar, bukan hendak memadamkan kebakaran tetapi kita hendak bawa orang. Jadi tinggalkanlah tangki air itu bawa lori yang kosong. Jadi dia *round* dua tiga kali tapi orang tahan tidak boleh buat apa. Jadi hari ini orang marah kepada kita.

Jadi agensi-agensi juga kita berharap cuma dekat Majlis Perbandaran saya berharap supaya juga melihat kampung-kampung, kawasan saya masih lagi banyak pokok yang tidak boleh hendak dipotong kerana pokok ini ia tumbang dan sangkut pada pokok lain kalau dipotong pihak Bomba hendak potong itu ia akan tumbang akan menyebabkan pokok ini tumbang kena rumah. Jadi diharapkan bantuan ini dapat diberikan sampai sekarang tidak boleh walaupun pada masa berlaku bencana, Majlis Perbandaran janji hendak masuk hendak tolong tetapi sampai sekarang tidak masuk. Jadi kita berharap kita masih menunggu kerana Bomba tidak ada kemudahan tersebut. Jadi berharaplah benda-benda ini dapat masuk kampung-kampung sama dan dapat membantu juga mempercepatkan proses pemindahan sampah-sampah sarap ini. Sekarang semua sampah-sampah semakin banyak maka terpaksa kita bekerja keras. Jadi saya berharap semua mengambil iktibar apa yang berlaku pada 4 haribulan itu supaya kita dapat sama-sama untuk mempertingkatkan keupayaan kita. Saya mohon menyokong. Sekian. Terima kasih.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Boleh saya bercakap sedikit? Tiga minit saja.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Ahli Kawasan Kebun Bunga.

### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih. Saya berdiri menyokong YB. Padang Kota, takziah kepada keluarga mangsa-mangsa. Saya akan pendekkan. Terima kasih kepada semua ahli Pegawai Agensi Kerajaan saya tidak akan ulang yang lain dan telah dihujah Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain tadi hanya tiga perkara sahaja. Tiga (3) minit cukup. Bencana ini mungkin tidak boleh dielakkan. Walau bagaimanapun kita harus merancang dengan lebih keseluruhan, bagi saya dengan bagaimana kita mengurangkan impak bencana bila bencana sampai. Gagal merancang adalah merancang untuk gagal.

Jadi tiga (3) perkara sahaja kita nampak kemaskini apa yang kita boleh buat adalah tambah atau kemaskini *mechanism rescue* walau pun apa yang dibuat oleh ahli-ahli agensi -agensi *rescue* adalah cukup banyak tapi kita boleh sebagai keseluruhannya sebagai kerajaan kita boleh tambahkan mungkin *facilities-facilities* khasnya mungkin termasuk pam ataupun yang lain kerana pada masa bencana kita masih ada kawasan yang kurang benda untuk menyelamatkan warganegara atau warganegeri.

Kedua, adalah Sistem Ramalan Cuaca ini kerana jikalau Sistem Ramalan Cuaca kita akan lebih tepat mungkin kita boleh elakkan ataupun memberi *warning* yang lebih awal.

Ketiga, adalah mengenai ini adalah akibatnya bukan mengenai bagaimana kita kritik cuaca tetapi akibat suka atau tidak suka akibat bencana ini menjadikan tempat-tempat air tersumbat, bukit mungkin dihakis. Ini akibatnya, suka tidak suka pokok tumbang, ini akibatnya. Pendek kata, pemantauan atas kawasan-kawasan yang kemungkinan wujudnya bencana, wujudnya *accident* apabila *natural disaster strike*....(dengan izin) adalah penting. Maksud saya Sistem Pemantauan Lereng Bukit, Sistem Pemantauan Saluran Air Sungai dan juga termasuk sistem pemantauan misalnya pokok ataupun benda yang besar termasuk pokok di tepi jalan adalah penting. Kesemua sistem ini kita ada di dalam kerajaan hanya saya cadangkan kita boleh ketatkan lebih lagi.

Satu lagi adalah bukan sahaja kita memantau pembangunan di lereng bukit pembangunan yang baru tetapi juga pemantauan atas kampung-kampung yang lama yang dibina di atas lereng bukit. Ini juga kena dipantau ataupun dirancangkan untuk masa depan dengan lebih tepat misalnya di kawasan saya di Hong Seng Estet dan juga di Ladang Lada dan banyak lagi di kawasan-kawasan ADUN-ADUN yang lain ataupun KADUN-KADUN yang lain. Itu sahaja. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Kebun Bunga. *Last* terakhir, sila YB. Sungai Pinang.

### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih kepada YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang dibentangkan oleh YB. Kawasan Padang Kota. Pada 1 November 2017 sahaja, tiga hari sebelum itu, sebelum bencana alam berlaku di kawasan Sungai Pinang iaitu di Jalan Madrasah baru sahaja menghadapi kebakaran yang mana 10 keluarga telah terlibat dan kita perlukan unit kecemasan, rumah kecemasan dan masalah ini belum selesai dan sekarang kita hadapi pula masalah banjir. Pada hari itu, pada 4 haribulan di kawasan Sungai Pinang kami tahu Sungai Pinang selalu dipersalahkan tentang isu banjir tetapi kita nampak pada hari itu di tempat yang lain seperti Lor Pan Kong, Tokong Batu dan Kota Giam di mana tidak pernah mengalami banjir sedemikian air telah masuk di mana kawasan ini adalah berdekatan dengan laut sebelum itu dan tidak pernah banjir, tapi banjir telah berlaku. Saya juga telah terima panggilan pada waktu 1.30 malam, saya bergegas dengan keluarga saya untuk memberi bantuan. Tetapi saya terperangkap juga di dalam kawasan di mana jalan semua tidak dapat pergi, semua jalan tidak dapat lalu.

Saya juga terperangkap selama tiga (3) jam di jalan dan terima banyak panggilan, ada mangsa yang terperangkap di mana tidak dapat hubungi agensi-agensi. Saya ambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada JKKK dan semua agensi. Pada hari itu, saya terima panggilan daripada adik sepupu saya di mana dia tinggal di tebing sungai dan dia kata tidak ada bantuan. Walaupun kami cuba bantu, tetapi JPAM semua tidak dapat sampai. Saya pun terserempak dengan di JPAM di Jalan Air Itam, JPAM kata saya kena bantu hantar orang yang OKU dan juga banyak kawasan mereka kena bantu. Jadi, saya terasa bahawa tidak seorang pun ingin bencana alam berlaku. Betul tak? Tidak ada seorang pun, tetapi masalah sekarang kita hadapi. Bagaimana kita boleh mengadakan sistem pencegahan yang lebih baik dan juga berilah bantuan dengan secepat mungkin kepada rakyat kita. Kita juga rakyat maka saya sekali lagi berharap kita semua dengan satu padu, bersatu hati untuk bantu rakyat kita untuk mengharungi cabaran ini. Kita berharap semua akan terselamat dan kita akan menambahbaik lagi sistem mana-mana yang ada kekurangan dan dengan ini saya berterima kasih dan saya sokong usul yang dibentangkan. Terima kasih.



## **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Sungai Pinang dan terima kasih kepada semua yang telah pun menyertai sesi perbahasan dalam usul tergepar yang di bawa oleh YB. Padang Kota. Seterusnya saya ingin minta Ahli Kawasan Padang Kota untuk buat penggulangan. Sila.

## **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat iaitu 19 Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang saya bantangkan mengenai bencana ribut dan hujan lebat pada 4 hingga 5 November 2017 di Negeri Pulau Pinang.

Daripada ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita sudah mendengar banyak isu yang berhubung-kait dengan bencana yang berlaku, masalah-masalah yang dihadapi di kawasan masing-masing dan juga harapan untuk mengatasi dan menangani isu-isu yang berlaku semasa bencana ini berlaku.

Saya boleh simpulkan bahawa ada beberapa aspek yang telah diberi perhatian dalam ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat dan saya pun berharap ucapan-ucapan yang membawa aspirasi rakyat itu dapat juga diambil maklum oleh semua agensi kerajaan yang ada dalam Dewan ini supaya maklum balas daripada wakil rakyat ini dapat di bawa balik untuk kita lihat, apakah sebenarnya yang boleh dilakukan oleh agensi-agensi untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan.

Pertamanya, beberapa ahli juga memberi perhatian kepada Sistem Amaran dan Sistem Penyampaian Maklumat, itu satu isu yang dibangkitkan dan sebelum saya melanjutkan perbahasan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan mesej yang diviralkan pada pagi ini yang menyatakan ban di Sungai Muda sudah pecah dan akan membanjiri Seberang Perai Utara adalah maklumat yang palsu yang tidak berlaku setelah JPS semak dengan pihak yang wajib dan kita berharap pihak-pihak yang menyebarkan maklumat-maklumat ini menghentikan sebaran maklumat-maklumat yang palsu supaya tidak mengelirukan rakyat jelata semasa mereka menghadapi bencana ini. Memang maklumat-maklumat palsu senang disebarkan melalui media sosial dan kita haruslah, bagi menangani perkara ini perlu juga ada sistem penyampaian maklumat yang betul sepertimana diutarakan oleh Yang Berhormat supaya rakyat jelata menerima maklumat-maklumat yang sebenarnya daripada pihak berkuasa.

YB. Bagan Jermal tadi mengambil kesempatan untuk menyampaikan siaran langsung daripada agensi-agensi di bawah portfolio Yang Berhormat tentang kedudukan terkini mengenai utiliti-utiliti keadaan jalan dan sebagainya supaya rakyat jelata dapat ambil maklum tentang kekangan di lapangan. Sukacita saya maklumkan kepada Dewan ini sebenarnya dua minggu yang lepas Pengarah JPS Negeri telah pun memaklumkan kepada saya bahawa JPS Pusat akan boleh dapat peruntukan daripada Belanjawan tahun akan datang untuk melancarkan satu sistem amaran dan ramalan banjir yang sebenarnya pun sudah dilaksanakan pada tahun 2014 apabila banjir besar berlaku di Kelantan dan beberapa buah negeri di Pantai Timur, jadi Kerajaan Pusat di bawah kementerian telah pun mengadakan sistem amaran dan ramalan banjir untuk sungai-sungai berkenaan di beberapa buah negeri.

Sekarang sudah masuk fasa kedua program ini dan Negeri Pulau Pinang akan dapat peruntukan bagi membolehkan JPS memperkenalkan sistem amaran dan ramalan banjir di negeri ini dan beberapa sungai utama sudah pun dipilih supaya sistem ini dapat dipasang di sungai-sungai berkenaan bagi *trigger* amaran kepada rakyat jelata dalam tempoh yang diusahakan iaitu sistem ini boleh menyampaikan amaran kalau sistem sekarang mungkin dua (2) jam atau kurang dari dua (2) jam sebelum kejadian tetapi sistem amaran dan ramalan banjir ini berkemampuan menyampaikan maklumat enam (6) hari sebelum kejadian atau kemungkinan kejadian berdasarkan kepada *big data analytics*, ramalan-ramalan cuaca di tempat-tempat berkenaan dan kemungkinan ramalan cuaca di secara lebih menyeluruh di rantau ini. Jadi kita berharap JPS Pusat dan Negeri dapatlah menyiapkan sistem ini dengan dalam tempoh yang terdekat memandangkan ini adalah satu isu yang dibangkitkan oleh masyarakat melalui suara wakil rakyat di dalam Dewan yang mulia ini.

Keduanya ada sistem amaran dan ramalan kita memerlukan sistem penyampaian maklumat yang baik, kalau boleh kita pun mahu terima cadangan daripada YB. Machang Bubuk bahawa Kerajaan Negeri juga ada *station* radio sendiri untuk menyampaikan maklumat dengan cepat ataupun sekurang-kurangnya cadangan YB. Pulau Tikus ada papan informasi elektronik dipasang di merata-rata untuk menyampaikan makluman kepada orang awam. Kita menyedari betapa pentingnya penyampaian maklumat yang betul dengan secepatnya sampai kepada rakyat jelata. Kita berharap di pihak Kerajaan Negeri, kita akan usahakan dengan seberapa boleh, satu sistem penyampaian maklumat yang tepat dan cepat dapat

diusahakan dalam masa yang terdekat. *Penang Alert* yang diusahakan sekarang mungkin masih belum sempurna dari segi maklumat yang boleh disampaikan dan juga ianya berlandaskan *web* mungkin ada kekangannya tapi kita akan terus berusaha untuk mendapat satu sistem maklumat yang baik tambahan dengan apa yang diusahakan oleh JPS, sistem amaran dan ramalan banjir maka perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sedikit sebanyak dapat kita mengatasinya.

Fokus kedua Yang Berhormat dalam ucapan tadi adalah pengurusan pusat-pusat pemindahan bagaimana pengurusan bekalan dapat sampai ke sasaran itu adalah perkara yang dibangkitkan *rescue and relief*. Adakah kita mampu menghadapi satu cabaran yang begitu besar seperti bencana yang berlaku pada 4 hingga 5 hari bulan November? Saya percaya pada peringkat ini walaupun ada kemungkinan masalah pada jam-jam awalan itu memang dapat kita fahami dan pusat-pusat pemindahan ini masih beroperasi memandangkan di SPU dan di SPS pula juga menerima kesan daripada hujan di Negeri Kedah yang masih membawa air melalui SPU dan SPS dan pusat-pusat pemindahan ini masih beroperasi dan berharap pengurusan pusat-pusat pemindahan dan pengurusan bekalan ini dapat dipertingkatkan oleh pihak-pihak yang wajib.

Ketiganya fokus ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat adalah tertumpu kepada kerja-kerja pembersihan dan lain-lain seperti pengurusan trafik, bagaimana agensi-agensi memastikan bekalan elektrik, bekalan air dan utiliti-utiliti yang wajib untuk kehidupan tidak terganggu ataupun kalau terganggu, terputus dapat disambungkan dalam masa yang terdekat. Inilah mencabar kita dari segi pengurusan menghadapi krisis dan pengalaman ini akan menjadi satu pengajaran yang bermakna kepada semua agensi iaitu apabila kita dicabar untuk menghadapi satu bencana yang begitu besar yang tidak ada amaran yang mencukupi dan bagaimana kita dapat *respond* dengan secepatnya.

Keempat fokus yang diberikan adalah mobilisasi agensi-agensi, NGO-NGO, pertubuhan-pertubuhan, individu-individu yang tampil ke hadapan untuk menawarkan khidmat untuk memberi pertolongan. Saya percaya Yang Berhormat semua telah pun menerima panggilan, *WhatsApp*, mesej dan sebagainya yang menawarkan pelbagai bantuan dari segi wang dan juga peralatan mungkin dan juga sukarelawan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan. Itu juga perlu diaturkan dengan baik kerana kalau tidak sumber-sumber yang terhad ini akan menjadi sia-sia apabila tidak sampai kepada sasaran. Itulah satu cabaran juga kepada agensi yang wajib bagaimana kita dapat dalam kekangan sumber yang terhad kita sendiri tetapi dengan penawaran begitu banyak aset ataupun bekalan dan peralatan dan sumber-sumber makanan bagaimana kita dapat mengembelikan semua ini dengan cekapnya untuk benar-benar dapat membantu mangsa-mangsa di pusat-pusat dan juga kemungkinan yang tidak pindah pun memerlukan bantuan seperti orang-orang yang berpindah kepada pusat pemindahan.

Saya ucapkan ribuan terima kasihlah bagi pihak Kerajaan Negeri kepada semua pihak yang telah memberi bantuan dan akan dan terus memberi bantuan sebab kerja-kerja pembersihan, kerja-kerja pemindahan masih berjalan, masih diperlukan di lapangan sebab kita belum lagi memutuskan bahawa pemindahan ini sudah pun selesai ataupun kita sudah selesai semua kerja-kerja bersangkut dengan menangani bencana yang besar ini. Memang dalam masa ini di media sosial, *social media* ada banyak tuduhan-tuduhan dan penyampaian maklumat-maklumat yang palsu. Kita ingin menegaskan di sini Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan sokongan rakyat dengan bantuan pelbagai pihak agensi dan juga dengan fahaman daripada masyarakat kita akan buat segala apa yang boleh buat untuk memastikan kita pulih keadaan dengan secepat mungkin. Kita nak buktikan walaupun kita berhadapan dengan satu bencana yang besar kita adalah sebuah Kerajaan yang ada daya tahan, kita adalah sebuah Kerajaan yang *resilience* kerana kita dapat sokongan daripada rakyat, kita dapat sokongan dari agensi, kita dapat sokongan daripada *corporate sector* yang sama-sama mahu kita menangani dan menghadapi cabaran ini seperti yang diutarakan sebagai satu pasukan dengan semangat yang murni menghadapi cabaran ini.

Jadi saya rasa walaupun banyak kereta yang ditenggelam dalam bencana ini tetapi semangat Kerajaan Negeri untuk membantu tidak ditenggelamkan oleh bencana ini dan kita akan terus menunjukkan kepimpinan dalam masa ini untuk *bounced back to normal* dengan secepat mungkin sebab kita dapat sokongan daripada pelbagai pihak. Jadi mengenai saranan untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa itu adalah menunggu keputusan pihak Kerajaan Negeri kerana saya tak ada *mandate* untuk buat apa-apa pengumuman tetapi seruan dan cadangan itu akan dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Akhir kata, marilah kita menunjukkan semangat yang baik walaupun kita sudah melalui satu bencana yang berat, saya mahu umumkan bahawa *Penang we will get thru this* dengan secepat mungkin. Sekian terima kasih.

## **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat saya ucapkan terima kasih kepada YB. Padang Kota. Maka seterusnya

masalah yang dihadapi oleh Dewan ini adalah usul yang usul tergepang yang telah pun dibawakan oleh YB. Padang Kota yang telah pun dibaca telah pun dibahas dan telah pun digulungkan sebentar tadi.

Maka saya nak bertanya kepada Dewan supaya usul ini boleh dipersetujui atau tidak dipersetujui? Saya ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat jikalau adanya bantahan terhadap usul ini? Kalau tak ada, saya nak umum bahawa usul tergepang daripada YB. Padang Kota diterima sebulat suara oleh Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya lanjut ke agenda yang seterusnya ingin saya membuat sedikit makluman kepada semua di mana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri sedang bersama dengan Timbalan Perdana Menteri untuk membuat lawatan di kawasan-kawasan yang telah dilanda bencana.

So maka sedikit makluman untuk rakan-rakan di Dewan. Seterusnya saya pun juga terima satu usul tergepang yang telah pun dicadangkan oleh YB. Pulau Betong. Jadi ingin saya minta YB. Pulau Betong untuk menyatakan usul tersebut.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, usul saya adalah berkaitan dengan perkara yang 30 iaitu usul tanpa memberitahu berbunyi begini, "Menyedari bahawa kejadian ribut, hujan lebat dan banjir yang melanda Pulau Pinang sejak hari Sabtu dan Ahad adalah yang paling buruk dalam sejarah Negeri Pulau Pinang, Pulau Betong mengusulkan bahawa Dewan Undangan Pulau Pinang yang sedang bersidang pada hari ini serta merta meluluskan pembayaran ehsan khas berjumlah RM2,000 kepada setiap isi rumah yang menjadi mangsa banjir dan satu jumlah pampasan yang difikirkan wajar kepada sekolah-sekolah, masjid, surau, rumah ibadat bukan Islam dan lain seumpamanya. Pembayaran ehsan ini haruslah menggunakan wang dari tabung khas yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang".

Walau bagaimanapun YB. Dato' Speaker, saya tidak berhasrat untuk membawa usul ini untuk dibahaskan cuma saya ingin menarik perhatian kepada Kerajaan Negeri bahawasanya disebabkan terlalu banyak sekali harta benda yang rosak terutama sekali mereka yang Marhaen yang susah di kampung, peralatan mereka rosak, perabot mereka rosak, peti ais mereka rosak, katil bantal semua ini rosak dan tentulah mereka memerlukan peruntukan untuk membeli baru perkara-perkara begini. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri melalui MMK dan EXCO yang akan bermesyuarat pada bila-bila masa mengambil kira perkara ini dengan sewajarnya dan menyegerakan bantuan untuk semua rakyat Pulau Pinang yang terkena ataupun terkesan daripada banjir ini dan saya juga memohon supaya bantuan diberikan tanpa syarat dan tanpa perlu mengisi borang keahlian Pakatan Harapan.

Yang kedua, bantuan harus telus dan juga saya berharap juga agar selepas daripada ini akan juga berlaku dua (2) lagi perkara penting iaitu tentang kesihatan dan juga psikologi. Saya berharap supaya rumah-rumah yang ditimpa bencana banjir ini dilawati oleh Pegawai Kesihatan Daerah untuk melihat keadaan mangsa banjir kerana sewaktu banjir pun terdapat ramai yang sakit apatah lah lagi selepas banjir berlaku pastinya ada air-air daripada kumbahan najis dan sebagainya yang akan menyebabkan penyakit-penyakit selepas daripada banjir ini.

Dan saya berharap supaya pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk menyegerakan turun ke bawah oleh Pegawai-pegawai Kesihatan untuk melihat perkara ini dan kalau boleh juga tentang khidmat kaunseling diberikan kepada mangsa-mangsa banjir ini.

Sekian daripada saya, terima kasih YB. Dato' Speaker.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih kepada YB. Pulau Betong, terima kasihlah YB. Pulau Betong keprihatinan dan seruan Yang Berhormat telah pun didengar oleh Dewan ini. Biarlah kerja-kerja penyelamat dan pembaik pulih dijadikan keutamaan terlebih dahulu dari pihak Kerajaan Negeri dan saya rasa terpulanglah kepada pihak kerajaan untuk menentukan sama ada wang ehsan disalurkan dan ini semua saya faham perlu mengambil beberapa faktor oleh pihak kerajaan. Maka menyahut apa nama cadangan YB. Pulau Betong yang tidak mahu pun usul ini dibahas dan saya seterusnya apa nama batalkan usul inilah. Dan seterusnya saya ingin juga sebelum...(gangguan).

**Ahli Yang Berhormat Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato' speaker saya minta bukan dibatalkan tetapi diangkat untuk dipertimbangkan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah didengar.

**Ahli Yang Berhormat Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bukan dibatalkan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah didengar. Usul pun sudah didengar. Tidak mahu bahas okeylah, saya pun ada rakamkan ini...(gangguan). Tidak didengarlah, dah didengarlah.

**Ahli Yang Berhormat Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Bukan dibatalkan tetapi diangkat.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tidak menjadi usul pun kerana tidak dibahas. Okeylah, saya terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu ambil berat tentang kes bencana yang sedemikian, sebagaimana yang saya faham di bawah sana perlu lagi, perlu lagi banyak perhatian oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan kerja-kerja sekarang adalah diutamakan kepada membaik pulih keadaan.

So, maka saya ingin menyeru bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh juga mempunyai masa yang cukup untuk turun ke bawah untuk menjadi koordinator ataupun menjadi orang yang boleh membantu menyatupadukan ke semua pihak yang ingin membantu.

Maka saya nak mengumumkan bahawa Dewan akan ditangguhkan pada saat ini dan Dewan akan disambungkan pada 8 hari bulan November, hari Rabu jam 9.30 nanti untuk memudahkan Ahli-ahli Yang Berhormat membolehkan anda untuk turun ke padang untuk membantu mangsa-mangsa banjir.

Sekian. Terima kasih. Saya menangguhkan Dewan.

***Dewan ditangguhkan pada jam 12.25 tengah hari.***